



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 841]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1975):

Jawatankuasa—

Jadual—

Kepala B. 19 [Ruangan 884]

Kepala B. 22 [Ruangan 887]

Kepala B. 25 [Ruangan 894]

Kepala B. 26 hingga B. 30 [Ruangan 895]

Kepala B. 33 dan B. 34 [Ruangan 905]

Kepala B. 40 dan B. 42 [Ruangan 906]

Kepala B. 47 dan B. 48 [Ruangan 907]

Kepala B. 49, B. 50, B. 52, B. 54 dan B. 55 [Ruangan 909]

Kepala B. 56, B. 58, B. 60 dan B. 61 [Ruangan 911]

Kepala B. 66 [Ruangan 920]

Rang Undang-undang Pebadanan (Kelayakan Badan Perundangan
Negeri) (Pindaan) [Ruangan 928]

KANDUNGANNYA—(samb.)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1975:

Jawatankuasa—

- Kepala P. 20 [Ruangan 885]**
- Kepala P. 23 dan P. 24 [Ruangan 887]**
- Kepala P. 25 [Ruangan 894]**
- Kepala P. 26 dan P. 29 [Ruangan 895]**
- Kepala P. 38 [Ruangan 905]**
- Kepala P. 41 dan P. 42 [Ruangan 906]**
- Kepala P. 47 dan P. 48 [Ruangan 907]**
- Kepala P. 55 [Ruangan 909]**
- Kepala P. 56 dan P. 59 [Ruangan 911]**
- Kepala P. 63 [Ruangan 913]**
- Kepala P. 64 [Ruangan 914]**
- Kepala P. 66 [Ruangan 920]**
- Kepala P. 31 [Ruangan 921]**

AKTA CUKAI PENDAPATAN, 1967—

- Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor [Ruangan 927]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
S.P.M.J. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J.
(Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUN (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, Jabatan Perdana Menteri, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ YEOP, AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHAMED TAIB J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHAYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

Yang Berhormat TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN HAJI JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, Orang Kaya Indera Shahbandar (O.K.I.S.) (Pekan).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPHIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHAMED SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHAMED TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHAMED ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

Yang Berhormat TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petalang).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Star).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HOO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 9hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

POLIS SARAWAK—MEMPERBAIKI SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

1. Tuan Thomas Salang Siden minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki syarat-syarat Perkhidmatan Polis di Sarawak terutama mereka yang berpangkat rendah.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah maklumkan ketika menjawab pertanyaan dalam sidang Dewan Rakyat ini pada 31hb Mac dan pada 6hb April, 1976, Kerajaan sedang meneliti kedudukan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan anggota-anggota pasukan Polis Di Raja Malaysia khasnya yang berpangkat rendah. Kajian itu adalah meliputi keseluruhan perkhidmatan Polis Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, Kerajaan hanya akan mengumumkan keputusan kajian tersebut setelah kajian itu selesai kelak.

SUBSIDI BERAS/GULA/ TEPUNG/BAJA

2. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukur minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk subsidi barang-barang keperluan dalam tahun 1974 dan 1975 dengan memberikan angka pecahan bagi setiap satu barang-barang iaitu beras, gula, tepung dan baja.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, pemberian subsidi secara langsung dan secara tidak langsung oleh Kerajaan terhadap barang-barang keperluan dalam tahun 1974 dan 1975 adalah berjumlah sebanyak \$280,851,291 iaitu:

		1974	1975
(a) beras	...	\$60,210,000 (secara langsung)	\$25,740,000 (secara langsung)
(b) gula	...	\$59,456,800 (tidak secara langsung)	\$60,152,008 (tidak secara langsung)
(c) tepung	...	\$15,671,496 (secara langsung) \$11,701,496 (tidak secara langsung \$3,970,000)	\$ 2,466,000 (tidak secara langsung)
(d) baja	...	\$49,465,231 (secara langsung)	\$ 7,689,756 (secara langsung)

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa subsidi baja telahpun diberi. Apa yang saya ingin tahu subsidi baja yang diberi itu adakah termasuk baja tembakau?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, ada.

RUMAH-RUMAH PANGSA— JUALAN

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau bersama Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru setakat ini untuk menjual rumah-rumah pangsa berharga murah di Wilayah Persekutuan kepada penghuni-penghuni yang terdapat sekarang dan berapa segerakah hal ini akan selesai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, undang-undang untuk membolehkan rumah-rumah pangsa dijual beli sudahpun diadakan di dalam Kanun Tanah Negara. Tetapi undang-undang juga diperlukan untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang timbul dalam pengurusan bangunan-bangunan selepas rumah-rumah pangsa itu dijual. Pindaan-pindaan sedang dibuat kepada Kanun Tanah Negara untuk membolehkan sesuatu perbadanan Kerajaan seperti Majlis Bandaran dilantik untuk menjalankan tugas-tugas itu. Adalah diharapkan pindaan-pindaan ini dapat dikemukakan di persidangan Parlimen yang akan datang.

PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN

4. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar bahawa pemaaju-pemaaju perumahan tidak menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan letrik apabila mendirikan rumah-rumah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa soal mengadakan kemudahan-kemudahan asas (termasuk bekalan air dan letrik) adalah tertakluk di bawah senarai Kerajaan Negeri dengan itu Kerajaan Pusat tidak boleh mengadakan undang-undang untuk mengikat pemaaju-pemaaju perumahan berlesen di dalam soal ini, melainkan jika ianya di bawah pernaskutan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, bagi membolehkan pemaaju-pemaaju perumahan berlesen memahami akan soal ini, Kerajaan Pusat telah mengkanunkan di dalam Kaedah-kaedah (Mengawal & Melesen) Pemaaju Perumahan, 1970, bahawa pemaaju-pemaaju perumahan berlesen adalah dikehendaki mengadakan kemudahan-kemudahan yang tersebut dengan perbelanjaan sendiri dan dengan mengikut keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak pihak-pihak berkuasa yang berkenaan atau pihak-pihak berkuasa awam di dalam sesebuah negeri.

Dengan ini maka terserahlah kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan di dalam sesebuah Negeri dan Wilayah Persekutuan, semasa menimbangkan permohonan-

permohonan untuk kemajuan-kemajuan perumahan, supaya menetapkan kemudahan-kemudahan asas yang patut diadakan oleh pemaaju-pemaaju perumahan sebelum permohonan dipertimbangkan dan diluluskan.

Berhubung dengan penjelasan ini, dan jika Ahli Yang Berhormat ada mengetahui mana-mana kawasan perumahan yang tidak mengadakan kemudahan-kemudahan yang cukup, beliau patutlah memberi butir-butirnya kepada Kementerian saya, misalnya nama dan alamat pemaaju perumahan bersama-sama dengan nama dan tempat terletaknya kawasan perumahan tersebut bagi membolehkan Kementerian saya merujuk kepada pihak-pihak berkuasa yang tertentu untuk diambil perhatian. Sebaliknya, Ahli Yang Berhormat boleh juga memberitahu kepada pihak berkuasa yang berkenaan secara terus menerus.

RELA SALAH GUNA KUASA

5. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada benar bahawa pasukan RELA telah menyalahgunakan kuasanya, jika ya, di manakah kejadian yang sebenar berlaku dan apakah kesalahan-kesalahan penyalahgunaan kuasa yang telah dilakukan dan sekiranya sudah disiasat apakah keputusannya; dan
- (b) samada ahli-ahli RELA yang telah menyalahgunakan kuasa ini diambil tindakan terhadapnya dan nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya perkara-perkara itu tidak berulang lagi.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada (a) tidak benar dan dengan demikian soalan (b) tidak berbangkit.

BUMIPUTRA DALAM PERUSAHAAN BANK

6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada usaha untuk menambah bilangan kaum Bumiputra dalam bidang perniagaan bank telah sebenarnya berjaya; dan

- (b) cara yang dipakai dan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengada dan memperhebatkan penyertaan Bumiputra dalam perusahaan bank dan institusi-institusi kewangan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bank perdagangan telah membuat banyak kemajuan untuk menambahkan lagi penyertaan Bumiputra di dalam perusahaan bank. Bumiputra di sini ditakrifkan sebagai Bumiputra perseorangan dan perbadanan-perbadanan yang dikawal oleh Bumiputra, tidak termasuk perbadanan-perbadanan dan agensi-agensi Kerajaan seperti PERNAS dan UDA. Dalam tahun 1975, pendahuluan dan pinjaman yang dikeluarkan oleh bank perdagangan kepada kaum Bumiputra telah meningkat sebanyak \$250.1 juta atau hampir 30% daripada jumlah pertambahan semua kemudahan-kemudahan kredit. Pinjaman yang diberikan kepada kaum Bumiputra pada akhir tahun 1975 berjumlah \$791.4 juta ada 12.2% daripada jumlah semua pendahuluan dan pinjaman, dan ini berbanding dengan \$537.3 juta atau 9.6% pada akhir tahun 1974 dan \$111.7 juta atau 4.2% pada akhir tahun 1971. Dari segi pekerjaan di dalam perusahaan bank pula bilangan kaum Bumiputra ialah 5,159 orang atau 34.5% daripada jumlah kesemua pekerja-pekerja bank iaitu 14,953 orang pada akhir tahun 1975 berbanding dengan 2,224 orang atau 21.9% daripada jumlah kesemua pekerja-pekerja bank iaitu 10,139 pada akhir tahun 1971. Bank-bank perdagangan sedang mengambil tindakan untuk menyusun semula modal ekuiti mereka mengikut Dasar Ekonomi Baru. Dari jumlah 16 buah bank-bank perdagangan tempatan tidak termasuk 3 buah bank-bank yang dimodali oleh Kerajaan, dua daripadanya mempunyai jumlah modal terbesar oleh Bumiputra dan dua lagi telahpun membuat penyusunan semula untuk menambah penyertaan Bumiputra. Tujuh buah bank-bank perdagangan yang lain telah menyatakan kepada Bank Negara

bahawa mereka sekarang sedang menimbang syor-syor untuk membanyakkan lagi penyertaan Bumiputra di dalam modal saham mereka.

- (b) Kerajaan sedang dan akan terus mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk menambah penyertaan Bumiputra di dalam perusahaan bank. Untuk memastikan bahawa kaum Bumiputra mendapat bantuan kewangan bank yang mencukupi, Bank Negara ketika mengeluarkan peraturan kewangan yang baru pada bulan Februari tahun ini, mengarah seterusnya supaya bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat meminjam memberi sekurang-kurangnya 50% daripada kenaikan bersih semua jumlah pendahuluan dan pinjaman di dalam tahun tersebut kepada sektor utama di dalam ekonomi, termasuk kaum Bumiputra. Untuk mempergiatkan lagi usaha mereka membanyakkan lagi pinjaman bank kepada Bumiputra dan perusahaan-perusahaan kecil, Bank Negara telah mendesak bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat meminjam untuk menubuhkan satu yunit khas di dalam tiap-tiap bank dan syarikat meminjam dan memperuntukkan pegawai-pegawai khas untuk mengendalikan kemudahan kredit kepada kedua-dua kumpulan peminjam-peminjam tersebut, termasuk peruntukan perkhidmatan penasihat dan perundingan. Bank-bank perdagangan telah juga diminta untuk memberi banyak lagi biasiswa kepada Bumiputra yang berkelayakan untuk belajar di institusi pelajaran tinggi supaya dapat meramaikan lagi Bumiputra di dalam kumpulan eksekutif Bank. Selaras dengan objektif nasional, Bank Negara telah mendesak bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat meminjam untuk menyusun semula modal ekuiti mereka untuk menambahkan lagi penyertaan Bumiputra di dalam modal saham mereka.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menghuraikan kegiatan Kementeriannya dan juga Bank Negara untuk menambahkan lagi eksekutif-eksekutif bekerja di bank-bank tempatan daripada kaum bumiputra. Dari itu, saya

hendak mengetahui boleh atau tidak Kementerianya campurtangan jika ada bukti-bukti yang terang di mana bank-bank tempatan telah membuat tekanan sehingga dibuang kerja beberapa orang senior executive daripada bank kerana sikap mereka mempertahankan dasar ekonomi baru negara yang tidak begitu disukai oleh bank-bank tempatan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat tidak mengizinkan menanya sesuatu perkara yang belum berlaku. Kalau ada sesuatu issue atau satu-satu perkara yang ada berlaku, boleh ditanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau "jika" sahaja tidak diizinkan oleh Peraturan Mesyuarat.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disoalkan itu sudah berlaku.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya memang suka mengambil tahu butir-butir yang lebih lanjut lagi supaya saya dapat peluang untuk menyiasat perkara ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan tentang selain daripada 2 buah bank di mana saham terbesar adalah bumiputra, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan lain-lain bank itu sebanyak 16 buah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi? Dan bagaimanakah yang dimaksudkan perundingan untuk penyertaan bumiputra kepada 7 buah bank yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulangan lagi sekali soalan itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bagaimana-caranya yang dimaksudkan perundingan sedang dibuat oleh 7 buah bank untuk penyertaan bumiputra di dalamnya dan yang keduanya, bagaimanakah sambutan yang lain daripada itu iaitu yang baki lagi sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sebanyak 16 buah?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, perundingan yang dimaksudkan itu tadi ialah perundingan di antara Kementerian saya ataupun di antara Bank Negara kita dengan bank-bank berkenaan, lagi pun memang seperti yang telah saya nyatakan tadi adalah gejala-gejala yang menunjukkan perkara ini adalah sangat menggalakkan.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menurut penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa pada akhir tahun 1975 ada 34.5% pekerja-pekerja bumiputra, pekerja-pekerja dalam bank-bank di Malaysia. Bolehkah saya dapat tahu berapa peratus yang menjadi Pegawai Eksekutif kerana dari apa yang saya dapat tahu di sini kebanyakan peratus itu ialah terdiri daripada jaga, kerani dan buruh biasa sahaja?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan nisbah itu dan saya suka lah meminta notis supaya pada persidangan yang akan datang saya dapat berikan butir-butir yang lebih lanjut.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat keterangan yang lebih lanjut tentang institusi-institusi kewangan yang lain iaitu selain daripada bank. Saya rasa penjelasan yang diberi tadi lebih banyak menumpukan tentang bank. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan tentang badan-badan yang saya katakan tadi?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini juga kalau perkara yang seumpama ini berkehendakkan notis tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri barangkali ada sedia dengan jawapan dipersilakan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sediakan butir-butir itu pada hari ini.

ASEAN—PREFERENTIAL TARIFF

7. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Perundingan Kemuncak di Bali membincangkan Kawasan Kebebasan Perdagangan (Free Trade Zone) dan juga preferential tariff antara negara-negara ASEAN.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, persidangan Kemuncak ASEAN di Bali pada 23-24hb Februari, 1976 tidak membincangkan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas bagi ASEAN.

Berhubung dengan keutamaan Tarif atau "Preferential Tariff" antara negara-negara ASEAN, Persidangan tersebut telah berseutju supaya perkara ini dikaji sebagai satu daripada cara untuk melaksanakan Peraturan-peraturan Keutamaan Perdagangan atau "Preferential Trading Arrangement."

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan selepas Persidangan Kemuncak ASEAN di Bali, adakah satu mesyuarat antara negara-negara ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur tentang apa industri yang perlu diwujudkan antara negara-negara ASEAN dan jika ada apakah hasilnya?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada satu Persidangan Menteri-menteri Ekonomi di Kuala Lumpur di mana di dalam perbincangan itu telah dikaji dengan mendalamnya kemungkinan mengadakan projek-projek perusahaan ASEAN dalam mana telah ditetapkan supaya tiap-tiap negeri ASEAN mengendalikan atau menguruskan satu projek perusahaan secara sederhana untuk dilaksanakan secara usahasama ataupun joint-venture di antara negara-negara ASEAN dengan secepat mungkin yang boleh. Di dalam persidangan ini telah ditetapkan bahawa negara Indonesia mengendalikan satu projek mengeluarkan urea, oleh kerana Malaysia telah membuat satu permohonan untuk ditimbang mengendalikan projek mengeluarkan urea juga telah diberi kesempatan menimbang kemungkinan mengadakan kilang urea bagi kawasan Asia juga, Filipina—superphosphate, Singapura—diesel engine dan negara Thai—soda ash.

BAS PELANCUNG THAILAND

8. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pada masa ini terdapat banyak bas pelancung dari negara jiran (Thailand)

yang menjalankan perkhidmatan di negara kita, terutama antara Butterworth dan Kuala Lumpur, dan denagn secara tidak langsung, kegiatan bas-bas ini telah melumpuhkan perkhidmatan pengangkutan awam kita terutama sekali bas pelancung tempatan, teksi dan keretapi;

- (b) jika sedar, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masaalah ini; dan
(c) samada bas-bas pelancung ini mempunyai jaminan insuran untuk membawa penumpang.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya sedar bahawa pada masa ini terdapat bas-bas pelancungan dari Thai yang masuk ke negeri ini dan telah menjalankan perkhidmatan mengangkut penumpang-penumpang tempatan secara haram. Kementerian saya juga sedar bahawa dengan kegiatan bas-bas ini telah dengan tidak secara langsung melumpuhkan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas-bas, teksi dan kereta sewa tempatan.
(b) Siasatan yang rapi sedang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga oleh Jabatan Polis supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Kementerian saya juga sedang merancang supaya masaalah kemasukan bas-bas Siam ini dapat dibincangkan dengan pihak berkuasa Thai tidak berapa lama lagi.
(c) Mengikut siasatan yang dijalankan oleh Pejabat-pejabat pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor dan juga oleh pihak polis didapati ada setengah daripada bas-bas Siam ini yang tidak mempunyai perlindungan insuran untuk membawa penumpang.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat menerangkan bahawa satu-satu kompeni yang hendak menjalankan perusahaan bas ini mesti mendapat kebenaran yang khusus daripada Kementerian yang berkenaan? Selain daripada itu kepada kompeni-kompeni yang telah menjalankan perusahaan basnya, umpamanya, sekarang ini telah berjalan 3

buah bas maka kompeni ini hendak menambah basnya sampai 9 buah. Adakah disyaratkan kepada kompeni ini mendapat kebenaran dan kalau disyaratkan adakah kebenaran itu senang didapati?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kalau Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang bas-bas yang datang dari Siam yang dijalankan oleh kompeni-kompeni Siam, saya telah mengatakan bahawa aktiviti-aktiviti mereka adalah secara haram dan tindakan telah diambil oleh Jabatan yang berkenaan dalam Kementerian saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O.K.K. Haji Asneh.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O.K.K. Haji Asneh tidak hadir).

BAS NEGERI THAI BERJALAN DI MALAYSIA

10. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa banyak bas-bas Negeri Thai berjalan di Malaysia sekarang dan bas-bas ini tidak mempunyai insuran di Malaysia dan ini menjatuhkan perniagaan bas-bas tempatan; dan
- (b) adakah beliau sedar banyak kenderaan seperti lori-lori dan motokar-motokar di jalanraya sekarang ini sudah buruk dan tidak patut digunakan di jalanraya dan jika sedar, apakah tindakan beliau bercadang hendak ambil.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jawapan untuk pertanyaan ini telahpun saya berikan tadi ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.
- (b) Mengikut undang-undang yang ada sekarang lori-lori dan kenderaan perniagaan adalah dimestikan menjalani pemeriksaan tahunan untuk menentukan samada ianya road worthy. Sekiranya dalam pemeriksaan tersebut didapati lori-lori dan kenderaan ini tidak mempunyai apa-apa kecacatan

dari segi mekanikal dan fisikal atau didapati boleh diperbaiki, maka tuan empunya lori itu diarah memperbaiki lori-lorinya sebelum ianya dilulus untuk dilesenkan. Tidak ada undang-undang sekarang ini yang memestikan sebuah kereta persendirian diperiksa pada masa-masa yang tertentu. Namun demikian, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan berhak memeriksa mana-mana kereta perseorangan yang disyaki tidak road worthy. Oleh kerana beban kerja Jabatan Pengangkutan Jalan untuk memeriksa lori-lori dan kenderaan perniagaan ini memakan masa, maka Jabatan Pengangkutan Jalan tidak dapat menumpukan masanya terhadap pemeriksaan jenis-jenis kenderaan yang tidak wajib diperiksa. Walau bagaimanapun, Jabatan Pengangkutan Jalan sedia memeriksa mana-mana kereta persendirian yang disyaki tidak road worthy jika Ahli Yang Berhormat atau mana-mana jua orang lain bersedia melaporkan kereta-kereta yang sedemikian kepada Jabatan-jabatan Pengangkutan dalam negeri.

PENYEMBELIHAN BINATANG TERNAKAN

11. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar yang ingin menyembelih binatang ternakan mereka untuk tujuan-tujuan perkahwinan dan keugamaan mesti terlebih dahulu mendapat kebenaran dari Jabatan Haiwan dan kena membayar bayaran penyembelihan dua kali ganda daripada apa yang dibayar oleh penyembelih, dan samada beliau sedar bahawa perkara ini telah menyebabkan kesusahan kepada penduduk-penduduk yang tinggal jauh dari Jabatan Haiwan.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pada umumnya kebenaran Jabatan Haiwan adalah diperlukan untuk menyembelih binatang ternakan termasuklah penyembelihan untuk tujuan perkahwinan dan keugamaan. Walaupun demikian, undang-undang mengenai perkara ini adalah Undang-undang Negeri dan berbeza di antara satu negeri dengan satu

negeri yang lain. Ada negeri-negeri yang mensyaratkan kebenaran itu bagi kerbau, lembu, babi dan kambing tidak kira samada jantan atau betina. Ada pula yang mensyaratkan bagi kerbau, lembu dan kambing betina sahaja dan ada pula negeri-negeri yang mensyaratkan kebenaran itu bagi penyembelihan kerbau, lembu dan kambing mengikut umur yang ditentukan. Tidak ada bayaran dikenakan untuk mendapatkan kebenaran ini kecuali di negeri Kedah, Perlis, Kelantan di mana kebenaran untuk menyembelih lembu dan kerbau dikenakan bayaran sebanyak \$2 seekor.

Saya tidak sedar bahawa penduduk-penduduk di kawasan luar bandar yang menyembelih ternakan mereka di rumah-rumah sembelih MAJUTERNAK sebuah agensi di bawah Kementerian ini dikenakan bayaran dua kali ganda daripada apa yang dibayar oleh penyembelih-penyembelih yang lain. Saya tidak tahu samada perkara seperti itu berlaku di rumah-rumah sembelih lain di bawah jagaan kuasa-kuasa tempatan oleh kerana rumah-rumah sembelih ini adalah di bawah jagaan kuasa-kuasa tempatan maka Kementerian ini tidaklah dapat dipertanggungjawabkan.

Jabatan Haiwan hanyalah terlibat di dalam memberikan kebenaran untuk penyembelihan sahaja oleh kerana Jabatan Haiwan terdapat di semua daerah dan juga di beberapa daerah kecil. Saya tidak fikir keperluan mendapat kebenaran daripada Jabatan Haiwan ini mendatangkan kesusahan kepada penduduk-penduduk luar bandar.

LEMBAGA PERUMAHAN

12. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang menubuhkan sebuah Lembaga Perumahan untuk mengkaji keperluan rumah-rumah dan jua untuk menyelaras rancangan-rancangan perumahan baikpun rancangan-rancangan perumahan awam atau perebet untuk tujuan memberi "sebuah bumbung" atau perlindungan kepada setiap keluarga.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti ini telah beberapa kali dikemukakan dalam sidang Dewan ini dan telah dijawab oleh Kementerian saya.

Walau bagaimanapun supaya tidak menghampakan Ahli Yang Berhormat itu, biarlah saya menjawab sekali lagi.

Kementerian ini berasa bahawa penubuhan sebuah Lembaga Perumahan untuk mengkaji keperluan rumah-rumah serta juga menyelaras rancangan-rancangan perumahan baik rancangan-rancangan perumahan awam atau perebet belum perlu diwujudkan lagi. Malahan, bagi mencapai tujuan ini Kementerian saya pada masa ini sedang disusun semula untuk mengandungi antara lain sebuah Bahagian Perancangan Perumahan dan Kemajuan Perkampungan dan sebuah Jabatan Perumahan Negara.

PENAGIH-PENAGIH DADAH

13. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang hendak mengasingkan penagih-penagih dadah yang menerima rawatan mengikut kaum dan ugama dan jika disatukan dalam sebuah Pusat Pemulihan, sama ada Kerajaan bercadang hendak mengasingkan jenis-jenis makanan yang diberikan; dan
- (b) samada latihan-latihan vokesyenal/pertukangan tangan secara ringan diajar kepada mereka yang menerima rawatan pemulihan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kebajikan Am tidak bercadang bagi mengasingkan penagih-penagih dadah mengikut kaum dan ugama di Pusat-pusat Pemulihan. Kementerian itu juga tidak bercadang untuk menyediakan makanan yang berlainan kepada penagih-penagih mengikut kaum. Makanan yang serupa dan boleh diterima oleh semua kaum adalah disediakan.
- (b) Jawapannya ialah ada diajar.

HOSPITAL—ANAK-ANAK DI LUAR NIKAH

14. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah anak di luar nikah yang telah dilahirkan di hospital bersalin pada tahun 1974 dan 1975 menurut bangsa masing-masing.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, dengan dukacitanya dinyatakan bahawa Kementerian saya tidak ada menyimpan rekod anak-anak di luar nikah yang dilahirkan di hospital-hospital dalam negara ini. Tugas utama hospital-hospital bersalin ialah memberikan rawatan kepada ibu-ibu yang hendak melahirkan anak dan anak-anak yang telah dilahir. Tidaklah menjadi tanggungjawab hospital-hospital di negeri ini menentukan samada anak yang dilahirkan itu mempunyai bapa dengan nikah atau tidak dari segi undang-undang.

INSTITIUT TEKNOLOJI MARA

15. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau bercadang untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Bebas bagi menjalankan penyiasatan perbuatan yang berlaku di Kampus Institiut Teknologi MARA baru-baru ini, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini pun telah dijawab oleh saya kepada Yang Berhormat dari Seremban pada hari kelmarin. Tetapi walau bagaimanapun saya tidak mahu menghampakan hasrat Ahli Yang Berhormat itu, jadi saya suka mengulas sekali lagi iaitu saya tidak bercadang menubuhkan Suruhanjaya Bebas untuk menyiasat perbuatan yang berlaku di Kampus Institiut Teknologi MARA baru-baru ini.

Sebabnya ialah selepas tunjuk perasaan bulan April tahun 1974 sebuah Jawatankuasa telah ditubuh untuk menyiasat kejadian itu dan laporannya sedang dijadikan panduan untuk membetulkan keadaan di Institiut Teknologi MARA. Jika Jawatankuasa demi Jawatankuasa diadakan tetapi laporannya tidak diambil berat, ini akan merupakan satu pembaziran.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa hampir 250 orang pelajar-pelajar I.T.M. masih belum diterima balik untuk melanjutkan pelajarannya di I.T.M.? Jika beliau sedar, apakah, sebabnya 250 orang pelajar-pelajar ini sebahagiannya di I.T.M. diberhentikan?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Kalau tidak silap saya seramai 250 orang penuntut ini telah diberi peluang kepada mereka untuk memohon sekali lagi dan kalau didapati mereka ada melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak diingini oleh pihak I.T.M. barangkali mereka kena menunggu sedikit masa sebelum keputusan dibuat berdasarkan kepada disiplin oleh pihak Institiut Teknologi MARA. Tetapi dari apa yang saya tahu ramai di antara penuntut-penuntut ini yang membuat permohonan dan mereka telah dibenarkan memasuki semula I.T.M. Walau bagaimanapun, kita berharap supaya mereka tidak melakukan perkara-perkara yang tidak diingini sekali lagi. Kita sungguh-sungguh mengharapkan supaya Institiut Teknologi MARA itu benar-benar menjadi sebuah Institusi Pelajaran Tinggi yang cukup dengan keadaan aman supaya kita dapat melahirkan penuntut-penuntut yang betul-betul dapat dihormati oleh pihak-pihak yang akan memberikan pekerjaan kepada mereka.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar antara 250 orang pelajar-pelajar yang saya sebutkan tadi ada beberapa orang pelajar yang telah tiba ke tahun yang akhir dan mereka cuma kehendak melanjutkan pelajarannya barangkali tidak berapa lama lagi dan mereka diizinkan mengambil peperiksaan yang terakhir di I.T.M.? Juga adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar di antara 250 orang pelajar-pelajar yang saya sebutkan mereka telah memohon balik ke I.T.M. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementeriannya terhadap pelajar-pelajar yang sudah memohon izin belajar balik ke I.T.M. dan tidak berapa lama lagi jika dibenarkan memasuki balik ke I.T.M. akan mengambil peperiksaan yang terakhir?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pun sudah dalam pertimbangan kita apabila kita menimbangkan permohonan-permohonan mereka itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan yang menyatakan bahawa perkara ini sedang dalam pertimbangan tetapi masa

sudah suntuk dan tidak berapa lama lagi peperiksaan terakhir akan diadakan dan jika Kementerian Pelajaran membuang masa lagi di manakah pelajar-pelajar yang menunggu hendak memasuki I.T.M. semula boleh mengambil peperiksaan tersebut dengan harapan mereka boleh lulus dalam peperiksaan tersebut.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kalau dikatakan membuang masa, itu

bukan dari pihak Maktab tetapi oleh kerana perbuatan daripada mereka. Oleh itu, kita mesti tahu hakikat yang sebenar. Kalau dikatakan pihak Maktab yang membuang masa, saya ingin berkata bahawa itu tidak berapa sesuai cuma membuat sebok sahaja di sini. Walau bagaimanapun, apa yang disyorkan oleh Yang Berhormat itu seperti apa yang saya katakan tadi, Kerajaan akan menimbangkan perkara ini.

KILANG PAPAN BUMIPUTRA

16. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah bilangan kilang papan dan papan lapis di seluruh Malaysia dan bilangan yang dimiliki semata-mata oleh Bumiputra dan atas usaha mengikut Negeri dan adakah Kementerian berpuashati dengan bilangan yang sekarang dimiliki oleh Bumiputra dan jika tidak apakah langkah-langkah yang akan diambil.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan kilang papan di seluruh Malaysia ialah 771 buah kesemuanya dan 185 buah daripadanya adalah dimiliki semata-mata oleh bumiputra dan atas usahasama.

Pecahan mengikut negeri ialah:

<i>Bilangan</i>				<i>Dimiliki semata-mata oleh Bumiputra dan atas usahasama</i>	
Semenanjung	Malaysia	...	...	536	113 buah
Sarawak	...	...	...	117	33 „
Sabah	...	...	...	118	39 „
Jumlah				771	185

Jumlah bilangan kilang papan lapis di seluruh Malaysia ialah 42 buah dan 9 daripadanya adalah dimiliki semata-mata oleh Bumiputra dan atas usahasama.

<i>Bilangan</i>				<i>Dimiliki semata-mata oleh Bumiputra dan atas usahasama</i>	
Semenanjung	Malaysia	...	...	35	6 buah
Sarawak	...	...	...	2	1 „
Sabah	...	...	...	5	2 „
Jumlah				42	9

Memandangkan bahawa jawapan kepada soalan ini terlalu panjang, maka risalah tambahannya akan diedarkan selepas mesyuarat Dewan ini bagi makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian saya berpuas hati dengan bilangan yang dimiliki oleh bumiputra pada masa ini berpandukan kepada matlamat jangka panjang Dasar Ekonomi Baru. Walau bagaimanapun, untuk memperkuatkan kedudukan mereka, Kementerian ini melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia sedang mengambil beberapa langkah. Di antaranya ialah bagi menubuhkan sebuah syarikat usahasama antara pengilang-pengilang papan bumiputra untuk merebut peluang pasaran dalam negeri dan untuk ekseptor. (*Lihat hujungan*).

KILANG-KILANG PAPAN MENGIKUT NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA
JUMLAH BESAR : 536

<i>Negeri</i>	<i>Yang dimiliki oleh Bumiputra</i>	<i>Usahasama Bumiputra/ bukan Bumi- putra</i>	<i>Yang dimiliki oleh bukan Bumiputra</i>	<i>Dikelola oleh Ajensi Kerajaan</i>	<i>Jumlah</i>
Johor	4	11	40	—	55
Kedah	5	2	26	1	34
Kelantan	19	2	11	—	32
Melaka	3	1	8	—	12
N. Sembilan	5	2	32	—	39
Pahang	3	21	79	4	107
P. Pinang	—	—	32	—	32
Perak	4	—	88	1	93
Perlis	—	—	4	—	4
Selangor	4	4	77	—	85
Trengganu	6	17	20	—	43
Jumlah	53	60	417	6	536

SARAWAK JUMLAH: 117

<i>Negeri</i>	<i>Yang dimiliki oleh Bumiputra/ usahasama Bumiputra</i>	<i>Yang dimiliki oleh bukan Bumiputra</i>	<i>Jumlah</i>
Sarawak	33	84	117

SABAH JUMLAH: 118

<i>Negeri</i>	<i>Bumiputra penuh</i>	<i>Ajensi Kerajaan</i>	<i>Usahasama</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>	<i>Jumlah</i>
Sabah	32	3	7	76	118

KILANG-KILANG PAPAN LAPIS MENGIKUT NEGERI SEMENANJUNG
MALAYSIA JUMLAH BESAR : 35

<i>Negeri</i>	<i>Yang dimiliki oleh Bumiputra</i>	<i>Usahasama Bumiputra/ bukan Bumiputra</i>	<i>Yang dimiliki oleh bukan Bumiputra</i>	<i>Dikelola oleh Ajensi Kerajaan</i>	<i>Jumlah</i>
Johor	—	4	4	—	8
Kedah	—	2	—	—	2
Kelantan	—	—	—	1	1
Melaka	—	—	1	—	1
N. Sembilan	—	—	2	—	2
Pahang	—	—	6	2	8
P. Pinang	—	—	—	—	—
Perak	—	—	7	—	7
Perlis	—	—	—	—	—
Selangor	—	—	5	—	5
Trengganu	—	—	1	—	1
Jumlah	—	6	26	3	35

SARAWAK JUMLAH: 2

<i>Ada Element penyertaan Bumiputra</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>	<i>Jumlah</i>
1	1	2

SABAH JUMLAH: 5

<i>Usahasama</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>	<i>Jumlah</i>
2	3	5

KILANG SIMIN/KILANG GULA— PENCEMARAN DEBU

17. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa debu-debu yang keluar dari kilang-kilang seperti Kilang Simin dan Kilang Gula di Perlis mencemarkan udara dan air sungai di kawasan-kawasan sekitar dan ini adalah gejala-gejala yang tidak sihat kepada kehidupan, dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab bagi pihak Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Dalam penjelasan ini saya hendak menyatakan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedar terhadap masalah-masalah pencemaran debu yang timbul dari kilang-kilang simin dan gula seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebetulnya ada juga punca-punca lain di seluruh negara yang menyebabkan masalah pencemaran air dan udara yang sama pentingnya. Walau bagaimanapun, sebelum sebarang langkah kawalan dapat diambil adalah wajar bagi kita menentukan kawasan-kawasan yang terancam dan memperhitungkan besarnya masalah ini. Tindakan ini sedang diusahakan oleh Kementerian ini dan akan meliputi punca-punca pencemaran yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu. Saya yakin bahawa Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa tidak ada kaedah yang lebih pendek dalam mengendali dan mengatasi masalah-masalah alam sekitar. Persiapan yang lebih mendalam dan detail adalah perlu untuk mengatasi masalah-masalah ini dengan lebih berkesan dan menyeluruh. Buat masa ini langkah-langkah

sementara sedang juga diambil oleh Kementerian ini bila masalah-masalah ini dibawa pengetahuan kami dari semasa ke semasa.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Masalah debu-debu dari kilang simin menjadi satu masalah yang besar tetapi dalam Dewan ini tiap-tiap kali Menteri berjanji akan mengambil tindakan atas masalah itu. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi keterangan berapakah jumlah tindakan yang telah diambil pada masa sekarang dan apakah jenis tindakannya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu berkehendakkan notis. (*Ketawa*)

PEMBELIAN KAPALTERBANG LOCKHEED/NORTHROP

18. Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan kejadian rasuah dalam pembelian kapalterbang sebagaimana yang telah berlaku kepada insiden Lockheed dan Northrop di mana kapalterbang dijual kepada negara-negara yang berkenaan termasuk Malaysia dan samada Kerajaan bercadang menubuhkan satu badan penyiasat untuk menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat. Untuk pengetahuan, Malaysia ada membeli kapalterbang jenis C-130 dan F5E baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab satu soalan yang serupa pada 31hb Mac, 1976 yang lalu. Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada jawapan saya bagi soalan No. 23 pada hari tersebut.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar soalan yang disebutkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan tidak mengandungi pembelian C-130. Bolehkah beliau menerangkan tentang pembelian kapalterbang tersebut?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soalan itupun telah dijawab dalam Soalan Bertulis kepada soalan Nombor 44 pada 8hb April, 1976 yang telah ditimbulkan oleh salah seorang dari Ahli Yang Berhormat.

Mengenai kapalterbang C-130 pun telah dijawab bersama semalam.

KADAR MURID-MURID DALAM DARJAH

19. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan mengkaji, semula peraturan yang terkandung dalam Pekeliling Bil. 3/67 mengenai ramai murid-murid di sesebuah darjah dan keramaian guru sesebuah sekolah supaya pengajaran dan pendidikan di semua sekolah terutama sekolah rendah itu lebih berkesan dan nyatakan:

- (a) samada bilangan guru-guru di sekolah rendah mengikut kadar 1.2 boleh menjamin kesempurnaan pendidikan murid-murid di sekolah rendah; dan
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa bilangan murid-murid yang terlampau banyak dalam sesebuah darjah seperti yang berlaku di sekolah rendah sekarang khususnya tidak akan mencapai matalamat pendidikan yang sebenarnya; jika sedar, adakah Kerajaan bercadang akan mengurangkan bilangan murid-murid dalam sesebuah darjah itu kepada sebanyak-banyaknya 40 orang.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Kementerian Pelajaran tiada rancangan untuk mengkaji semula Peraturan yang terkandung dalam Surat Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67.

- (a) Perkara ini sedang dikaji.
- (b) Ini mungkin jadi. Sebab itu Kementerian merancang untuk melatih lebih banyak lagi guru-guru.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar ratio 1:2 ini sangat kurang oleh kerana di dalam sesebuah sekolah rendah umpamanya yang barangkali ada 30 orang guru? Di kalangan mereka ada yang sakit, ada yang bersalin dan sebagainya dan kadangkala Guru Besar tidak boleh menggantikan seseorang guru yang tidak boleh bekerja. Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar perkara ini telah dibawa ke perhatian Kementerian Pelajaran bukan setahun dua bahkan beberapa tahun dahulu dan oleh tiap-tiap Persatuan Guru-guru di tanahair kita dan perlu Kementerian mencepatkan siasatan di atas perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya sebelum lebih banyak lagi guru-guru di sekolah-sekolah rendah mahupun di sekolah-sekolah menengah melapurkan mengambil cuti sakit?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita pun sedar. Oleh sebab itulah saya katakan dalam jawapan (b) saya tadi, ini mungkin jadi. Sebab itulah Kementerian merancang untuk melatih lebih banyak guru lagi. Jadi soal ini bukanlah meliputi kesusahan melatih lebih guru tetapi bergantung dengan keadaan kewangan juga. Kedua-dua ini menjadi masalah kepada kita. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu sungguhpun Surat Pekeliling Bil. 3/67 menyatakan bilangan murid maksima setiap kelas iaitu 50 orang di sekolah-sekolah rendah pada bilangan pukul-rata setiap kelas adalah seperti berikut untuk negara buat masa sekarang dan juga dua tahun yang kebelakangan:

Dalam tahun 1974 sekolah rendah kebangsaan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah jawapannya untuk pertanyaan itu.

BIASISWA KEPADA PEMUDA PALESTIN

20. Tuan Oh Keng Seng (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan biasiswa Kerajaan Malaysia telah tawarkan kepada orang-orang muda Palestin sebagai sokongan tegas terhadap perjuangan Palestin dan nyatakan samada

Kerajaan akan membenarkan orang-orang muda Palestin belajar di sekolah-sekolah, Kolej-kolej dan Universiti-universiti kita dengan biasiswa Kerajaan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menawarkan apa-apa biasiswa kepada orang-orang muda dari Palestin, dan belum lagi mempunyai rancangan untuk mengambil mereka belajar di sekolah-sekolah, kolej dan universiti di sini.

SEKIM PINJAMAN PERUMAHAN

21. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan bilangan orang-orang yang telah mendapat faedah daripada tabung pusingan \$10 juta dan nyatakan amaun yang diberi kepada setiap pemohon yang berjaya dan samada beliau sedar penduduk-penduduk kampung-kampung baru tidak diberi seranta yang cukup mengenai sekim tersebut.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu peruntukan pendahuluan sebanyak \$10 juta kepada Kumpulan Wang Amanah bagi melaksanakan Sekim Pinjaman Perumahan untuk rakyat dalam golongan berpendapatan rendah baru diterima oleh Kementerian saya dalam bulan Januari tahun ini, iaitu, sebagaimana Ahli Yang Berhormat tersedia maklum, selepasnya usul bagi mengujutkan Kumpulan Wang Amanah itu diluluskan di Persidangan Parlimen dalam bulan Disember tahun lalu. Kementerian saya telah mengedarkan borang-borang permohonan dan sedang memproses permohonan-permohonan yang telah diterima. Oleh hal demikian, setakat ini saya belum boleh menyatakan bilangan orang-orang yang telah berjaya mendapat faedah daripada Kumpulan Wang Amanah tersebut.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat tentang amaun yang di beri kepada setiap pemohon yang berjaya sebagai yang telah dijelaskan dalam ucapan usul mengujutkan Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di Persidangan Parlimen dalam bulan Disember tahun lepas, jumlah setiap pinjaman yang akan diluluskan ialah sebanyak \$5,000.

Saya berpendapat kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa penduduk-penduduk kampung baru tidak diberi seranta yang cukup mengenai Sekim tersebut, adalah kurang tepat. Seranta yang cukup luas telah dibuat melalui sebaran am dalam semua aliran bahasa mengenai ciri-ciri sekim tersebut. Demikian juga kenyataan yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan telah dibuat di dalam dan di luar Parlimen dan semasa lawatan beliau ke kampung-kampung baru.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O.K.K. Haji Asneh.

(Soalan No. 22 Y.B. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O.K.K. Haji Asneh tidak hadir).

SYARIKAT TOONG SIM HIN HOME PRODUCTS SDN. BHD.— KILANG UBAT NYAMOK

23. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Sains, Penyelidikan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar sebuah kilang membuat ubat nyamok Syarikat Toong Sim Hin Home Products Sdn. Bhd. di Kampung Baru Mambang di Awan mengancam kesunyian waktu malam di kawasan tersebut kerana kilang itu di-kerjakan 24 jam sehari dan kecemasan udara kilang tersebut mengancam kesihatan penduduk-penduduk di sekeliling kilang itu; jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil untuk menjaminkan kesunyian kampung baru tersebut serta menentukan kesihatan penduduknya tidak terancam.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah dinyatakan di dalam surat beliau kepada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bertarikh 22hb Januari, 1976.

Berikutnya, Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan seorang pegawai dari bahagian Alam Sekitar di Kementerianannya untuk menjalankan satu penyiasatan pada 17hb Februari, 1976 berasaskan kepada penyiasatan tersebut adalah didapati yang kilang itu telah memulakan perusahaannya dari

bulan Jun 1975 dengan kebenaran Jawatan-kuasa Kampung Mambang di Awan untuk mengeluarkan ubat nyamuk dan bukan tembakau seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam surat beliau. Adalah jelas bahawa pembakaran sampah di sekitar kilang itu ialah sebab utama kepada masalah pencemaran udara. Dalam hal ini pihak pengurus itu dinasihatkan supaya membuang sampah di tempat yang dibenarkan. Berkaitan dengan pencemaran bunyi yang timbul dari stamping machine pihak pengurus telah dinasihatkan supaya melengkapkan atau mengubahsuai stamping machine itu untuk mengurangkan paras bunyi. Sungguhpun demikian masalah pencemar bunyi tidak dapat dielakkan sepenuhnya selain daripada penempatan semula kilang itu jauh daripada kawasan kediaman. Tetapi buat masa ini perkara tersebut bukanlah di bawah kuasa Kementerian ini.

J.K.R./JABATAN LALU-LINTAS BUAT TANDA GARIS

24. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada benar perselisihan berlaku di antara J.K.R. dengan pihak Jabatan Lalulintas Jalanraya dalam membuat tanda (garis) putih di tengah-tengah Jalanraya dan jika ya, siapakah yang benar-benar bertanggungjawab terhadap perkara itu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang diketahui tidak ada apa-apa perselisihan di antara Jabatan Kerja Raya dengan mana-mana pihak di atas soal membuat tanda putih di tengah-tengah jalanraya. Jabatan Kerja Raya Persekutuan adalah bertanggungjawab di atas kerja-kerja penyelenggaraan jalanraya Persekutuan dan Jabatan Kerja Raya Negeri pula bertanggungjawab di atas penyelenggaraan jalanraya Negeri. Kerja mengecat garisan tengah jalanraya adalah termasuk di dalam kerja penyelenggaraan jalanraya. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan Majlis Tempatan kerja mengecat garisan tengah ini dijalankan oleh mereka sendiri.

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH SARAWAK

25. Tuan Abit anak Angkin minta Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan

samada beliau akan menimbang dengan sesungguhnya untuk melaksanakan Rancangan Kemajuan Tanah di setengah kawasan di Sarawak terutamanya di Bahagian Ketujuh oleh kerana kebanyakan para pemuda di situ telah meninggalkan kampung halaman dan kaum keluarga mereka untuk mencari pekerjaan di Sabah, Brunei dan Indonesia yang mana telah mengakibatkan keadaan yang tidak diingini, iaitu terbantutnya pembangunan di kawasan-kawasan mereka sendiri.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan pada masa ini Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak tiada bercadang untuk membuka tanah di Bahagian Ketujuh. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor dan antaranya ialah kekurangan tanah yang sesuai dan kekurangan kemudahan-kemudahan asas di Bahagian tersebut. Walau bagaimanapun, Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak telah pun mengusahakan Rancangan Kemajuan Tanah kelapa sawit di kawasan-kawasan berikut:

<i>Kawasan</i>					<i>Luas Ekar</i>
1. Kompleks Lambir-Sabis (Bahagian Keempat)	...	...	...	...	30,000
2. Kompleks Mukah (Bahagian Ketiga)	...	...	...	...	25,000

Kompleks-kompleks tersebut masih menghadapi masalah kekurangan pekerja-pekerja. Memandangkan adanya peluang pekerjaan di kompleks tersebut boleh digalakkan pemuda-pemuda memohon pekerjaan di kompleks-kompleks itu dan dengan ini akan mengurangkan jumlah pemuda-pemuda yang akan meninggalkan kampung halaman mereka untuk mencari pekerjaan di Sabah, Brunei dan Indonesia.

Tuan Racha Umong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada tempat yang berdekatan lagi dengan Brunei iaitu kawasan Limbang-Lawas sebagaimana kenyataan Yang Berhormat Menteri itu adakah beliau bercadang buat rancangan supaya menegah pemuda-pemudi bekerja di lain-lain tempat seperti Brunei, Sabah dan Indonesia. Kawasan Limbang-Lawas satu kawasan yang dekat sekali dengan Brunei, kalau dari Limbang lebih kurang 50 minit sampai bandar Sri Bagawan, Brunei, dari Lawas lebih kurang 2 jam dengan bot sampai ke

Brunei. Dengan sebab itu ramailah orang dari kawasan Limbang-Lawas mencari kerja di Brunei. Yang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa Yang Berhormat?

Tuan Racha Umong: Sebab tiada mempunyai rancangan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Order! Order! Soalan tambahannya apa?

Tuan Racha Umong: Di Brunei anak-anak kita yang telah pergi ke sana kadang-kadang mereka ini didapati mengandung, dan ada juga yang tinggal di Brunei serta kahwin di sana lalu tidak balik ke Sarawak, dengan itu merugikan kepada kita. Dengan sebab itu, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat mengatasi perkara ini dengan secepat mungkin?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itulah soalan tambahannya.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu bahawa Kerajaan Negeri Sarawak ada bercadang hendak membuka beberapa rancangan di kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Ada satu kawasan di Ulu Limbang yang luasnya kalau tidak silap saya ialah 650 ekar yang telah ditanam dengan kelapa sawit. Masaalah yang besar di sini ialah keengganan orang-orang ini bekerja di tempat-tempat seperti di Sarawak, mereka suka pergi ke tempat lain untuk mencari kerja pada hal pekerjaan itu ada.

Tuan Patrick Anek Uren: Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah untuk menggalakkan muda-mudi bekerja di ladang yang ditubuhkan oleh Kerajaan, adakah ini disebabkan kekurangan gaji yang diberi oleh pihak Lembaga?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pertanyaan itu tidak patutlah dikemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hendak jawab juga?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya sekim Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak di Miri dan Subis, gaji yang diberi di sana adalah dianggarkan mencukupi iaitu lebih kurang \$4-\$5 sehari,

dan jikalau mereka bekerja lebih, mereka itu diberi incentive untuk mendapat gaji lebih.

KERETA-KERETA UNTUK KEGUNAAN TEKSI

26. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa syarat yang dikenakan oleh Kerajaan, iaitu kereta-kereta untuk kegunaan teksi mestilah kereta-kereta tahun 1975 ke atas, adalah satu bebanan yang berat kepada pemilik-pemilik teksi; dan
- (b) jika sedar, adakah Kerajaan bercadang hendak melonggarkan syarat tersebut dengan tidak menekankan tentang tahun pengeluaran kereta itu, tetapi dikenakan pemeriksaan rapi oleh pihak R.I.M.V. sebelum ia disah dan diluluskan sebagai berada dalam keadaan yang elok dan selamat untuk digunakan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, mengikut syarat yang dikenakan tatkala seorang itu mendapat permit teksi, ianya hendaklah mengemukakan sebuah kereta yang umurnya tidak lebih dari dua tahun dari pendaftaran asal, dan bukanlah kereta-kereta tahun 1975 atau ke atas. Tujuan meletakkan syarat-syarat demikian adalah untuk memastikan supaya mereka yang mendapat permit teksi itu mengadakan sebuah kenderaan yang baik, kerana sesebuah teksi itu patutlah sentiasa di dalam keadaan yang baik dan tidak uzur. Namun demikian, pertimbangan yang saksama juga diberi kepada sesebuah kereta yang melebihi had umur dua tahun ini atas merit masing-masing. Saya rasa tidaklah wajar perkara ini dijadikan satu dasar yang tetap kerana besar kemungkinan jika cara ini dijadikan dasar mereka yang dapat permit-permit teksi tidak akan cuba membeli teksi-teksi yang baharu, tetapi akan membeli kereta-kereta yang mungkin lama dan akibatnya akan menyusahkan pentadbiran dan yang lebih penting lagi penumpang-penumpang tidak akan dapat perkhidmatan yang selesa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9, 22 dan 27 hingga 38 adalah diberi di bawah ini).

CUKAI IMPOT ATAS MOTOKAR

9. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa kecilnya bilangan kenderaan bagi pengangkutan awam di Sabah sekarang, samada Kerajaan akan menimbang mengurangkan duti ke atas kereta-kereta yang diimpot yang berharga kurang daripada \$20,000 sebuah.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Pada fikiran saya, mengurangkan cukai impot atas motokar-motokar yang berharga walaupun kurang dari \$20,000 tidak akan menyelesaikan masalah kekurangan pengangkutan awam di Sabah. Memandangkan bahawa motokar itu bukanlah suatu barang yang mudah dibeli oleh orang biasa, dan tentu sekali tidak dapat dibeli oleh mereka yang berpendapatan rendah, sebarang langkah untuk mengurangkan cukai impot akan hanya menguntungkan mereka yang berkemampuan, malahan mereka yang sebenar-benar berkehendakan pengangkutan awam masih lagi tidak puas hati. Dalam pada itu hasil Kerajaan juga akan kekurangan. Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin ingat bahawa kenaikan cukai impot atas motokar-motokar yang dibentangkan dalam sidang Belanjawan yang lalu, tidak melibatkan motokar-motokar yang bernilai kurang dari \$20,000.

LEMBAGA TABUNG GETAH SABAH

22. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O. K. K. Haji Asneh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) jumlah subsidi yang telah diperuntukkan bagi Lembaga Tabung Getah Sabah dalam Rancangan Malaysia Ketiga; dan
- (b) samada beliau dapat mempercepatkan pemberian subsidi tersebut supaya rancangan tanaman semula getah dapat dilaksanakan dengan sempurna, dan jika ya, samada beliau dapat memastikan bahawa wang tersebut dihantarkan ke Sabah pada awal tahun.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam):

- (a) Peruntukan bagi Lembaga Tabung Getah Sabah untuk Rancangan Malaysia Ketiga belum lagi ditetapkan oleh pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, peruntukan ini akan dibentangkan bersama-sama dengan peruntukan-peruntukan Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan di Sidang Dewan Rakyat dalam bulan Julai, 1976.
- (b) Pembayaran subsidi ini bergantung kepada lapuran kemajuan rancangan tanaman semula getah itu. Pada bulan Februari yang lalu, Kementerian saya telahpun menghantar peruntukan sebanyak \$500,000 kepada Lembaga tersebut daripada Peruntukan Sementara Tahun 1976 untuk tujuan-tujuan menanam semula itu.

JANAKUASA LETRIK BAGI HOSPITAL BUKIT MERTAJAM

27. Tuan Tan Cheng Bee bertanya Menteri Kesihatan iaitu telah kerap kali berlaku kerosakan letrik di Bukit Mertajam, dan oleh sebab Hospital Bukit Mertajam tidak dipasang dengan moto janakuasa sendiri bagi menghadapi kerosakan-kerosakan bekalan seperti itu, adakah Menteri akan menimbang membekal Hospital Bukit Mertajam dengan moto janakuasa dengan serta-tersebut supaya dengan itu Pembedahan Kecemasan dapat dibuat semasa berlaku kerosakan bekalan letrik atau pembedahan dapat diteruskan semasa kerosakan-kerosakan serupa itu dengan tidak membahayakan jiwa pesakit yang telahpun dijalankan pembedahan terhadap pesakit itu di masa kerosakan itu berlaku.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Ya, Kementerian saya akan menimbang membekalkan sebuah janakuasa letrik bagi Hospital Daerah, Bukit Mertajam tahun ini kerana peruntukannya telahpun diadakan.

PEMBAHAGIAN BUKU-BUKU TEKS

28. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah telah diambil untuk melicinkan sistem pembahagian buku-buku teks

dalam negeri ini untuk mengelak berlakunya kelewatan di masa akan datang mengenai pembahagian yang mengakibatkan kemerosotan kemajuan pelajaran am penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar Malaysia.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Usaha adalah dijalankan bagi mendapatkan maklumat lebih awal lagi dari sekolah-sekolah, berkenaan bilangan buku yang dikehendaki. Lain-lain kerja seperti mengumpul dan menganalisa maklumat, membuat pesanan kepada penerbit dan mengedarkan buku-buku juga dijalankan lebih awal lagi.

BAS THAILAND MASUK SECARA HARAM

29. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat banyak bas dari Thailand yang melanggar undang-undang lalu-lintas jalanraya negara ini dengan mengangkut penumpang di dalam negeri ini, dan jika ya, nyatakan:

- (1) berapakah buah bas Thailand yang dibenar masuk ke negara ini di dalam tahun 1972, 1973, 1974, 1975 dan 1976; dan
- (2) berapa buah bas Malaysia yang dibenar masuk ke negara Thailand di dalam tahun 1972, 1973, 1974, 1975 dan 1976.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Sebagaimana yang telah saya jelaskan awal-awal tadi ketika menjawab soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Sungai Petani, Kementerian saya memang sedar tentang adanya bas-bas Siam yang menjalankan perkhidmatan secara haram di dalam negeri ini.

Bagi menjawab soalan (1), jumlah bilangan trip bas Thai yang masuk ke negara ini mulai dari tahun 1972 hingga 1976 ialah seperti berikut:

1972	...	...	...	497
1973	...	...	...	584
1974	...	...	...	796
1975	...	...	...	1,123
1-1-76 hingga 28-2-76	...	...	...	585

- (2) Jumlah bas Malaysia yang dibenarkan masuk ke negeri Thai tidaklah diketahui. (Angka-angka ini mungkin disimpan oleh pihak berkuasa Thailand).

GURU BESAR—KELAYAKAN

30. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menerangkan kelayakan-kelayakan yang diperlukan untuk melantik seseorang guru menjadi Guru Besar.

- (a) di sesebuah sekolah rendah kebangsaan;
- (b) di sesebuah sekolah menengah jenis kebangsaan (Inggeris); dan
- (c) di sesebuah sekolah menengah kebangsaan.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Jawatan-jawatan Guru Besar di semua sekolah rendah termasuklah Sekolah Rendah Kebangsaan, adalah jawatan-jawatan kenaikan pangkat bagi Kategori C2 (berkelulusan S.P.M./M.C.E. dan mempunyai Sijil Latihan Perguruan), Jawatan-jawatan tersebut terbahagi kepada 3 peringkat, dan kelayakan-kelayakan/syarat-syarat yang diperlukan untuk melantik seseorang guru menjadi Guru Besar di mana-mana sekolah rendah samada Sekolah Rendah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan adalah seperti berikut:

- (i) *Sekolah Rendah Gred "C"*
(Kategori C2 Tingkatan-biasa "A")

Seseorang pegawai dalam Kategori C2 yang telah disahkan dalam jawatannya, melangkah Sekatan Kecekapan Pertama serta telah berkhidmat selama sekurang-kurangnya 9 tahun dalam Tingkatan-biasa adalah layak dipertimbangkan untuk dinaikkan pangkat ke Tingkatan-biasa "A".

- (ii) *Sekolah Rendah Gred "C"*
(Kategori C3 Tingkatan-khas)

Seseorang pegawai dalam Kategori C yang berada di Sekolah

Rendah Gred C di Tingkatan-biasa "A" dan guru-guru biasa yang menerima gaji berdekatan dengan gaji maxima C2, adalah layak dipertimbangkan untuk dinaikkan pangkat ke Tingkatan-khas.

- (iii) *Sekolah Rendah Gred "A"*
(*Kategori C2 Tingkatan-tertinggi*)
Seseorang pegawai dalam Kategori C2 yang berada di Tingkatan-khas adalah layak dipertimbangkan untuk dinaikkan pangkat ke Tingkatan-tertinggi.

Bagi menjawab soalan (b) dan (c) suka saya menyatakan bahawa tidak ada perbezaan di antara kelayakan-kelayakan yang diperlukan untuk melantik seorang guru menjadi Guru Besar di Sekolah Menengah Kebangsaan ataupun di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris). Sebagai misalannya, kelayakan-kelayakan yang diperlukan untuk melantik seorang guru menjadi Guru Besar di mana-mana sekolah menengah yang bertaraf kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

- (i) *Sekolah Menengah Gred "B"*
(*Kategori D1 Tingkatan-kanan*)
Seorang pegawai Kategori D1 (berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dan Diploma Pendidikan) dalam Tingkatan-biasa yang telah disahkan jawatan serta berkhidmat dengan memuaskan dalam Tingkatan-biasa sekurang-kurangnya selama 5 tahun akan layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan kosong dalam Tingkatan-kanan.
- (ii) *Sekolah Menengah Gred "A"*
(*Kategori D1 Tingkatan-tertinggi "G"*)

(1) Seorang pegawai Kategori D1 dalam Tingkatan-kanan yang telah berkhidmat dengan memuaskan sekurang-kurangnya selama 2 tahun dalam Tingkatan itu, akan layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan yang kosong dalam Tingkatan-tertinggi "G"; atau

(2) Seseorang pegawai dalam Tingkatan-biasa yang telah disahkan dalam jawatannya, berkhidmat sekurang-kurangnya selama 7 tahun dalam Tingkatan-biasa dengan memuaskan melangkah sekatan kecekapan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan, adalah layak untuk dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan kosong dalam Tingkatan-tertinggi "G".

BANGUNAN SEKOLAH CARA PREFABRICATION

31. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandangkan perbelanjaan pembinaan bangunan sekolah-sekolah tersangat mahal maka, adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak membina bangunan sekolah-sekolah dengan cara yang lebih murah dan lebih moden misalnya cara "Prefabrication".

Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Pelajaran sememangnya ada tujuan hendak membina bangunan-bangunan sekolah dengan cara yang lebih murah dan lebih cepat yang mungkin dan ini bermakna bahawa cara "prefabrication" juga akan digunakan jika didapati sesuai.

PERKHIDMATAN PERUBATAN/ PERGIGIAN

32. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk kawasan luar bandar, seperti kawasan Padang Serai, berkehendakkan perkhidmatan perubatan dan pergigian khasnya untuk anak-anak mereka yang bersekolah; dan
- (b) jika sedar, bilakah perkhidmatan kereta bergerak ke sekolah-sekolah dan kawasan luar bandar akan dimulakan.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Saya sedar bahawa masyarakat di luar bandar seperti di Padang Serai, perlukan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan pergigian terutama sekali bagi anak-anak mereka di sekolah.

Pada masa ini, di Padang Serai telah pun sedia ada sebuah Pusat Kesihatan Kecil bertugas sejak awal tahun enam pulohan, yang memberi perkhidmatan-perkhidmatan kepada ibu-ibu sebelum bersalin, anak-anak kecil dan kanak-kanak termasuklah kanak-kanak sekolah. Seorang Pegawai Pergigian membuat lawatan ke Pusat itu dan beri rawatan kepada pesakit-pesakit iaitu orang-orang dewasa dan juga murid-murid sekolah. Pusat ini sedang dalam proses dinaikkan tarafnya menjadi Pusat Kesihatan Besar dan dijangka akan siap dibina pada penghujung tahun ini. Sebaik sahaja siap dibina, seorang Pegawai Perubatan dan Kesihatan dan seorang Pegawai Pergigian akan ditempatkan.

Perkhidmatan Kesihatan Sekolah diadakan sebagai sebahagian daripada Rancangan Kesihatan Sekolah yang lengkap yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelajaran. Oleh kerana kekurangan kakitangan, keutamaan bagi perkhidmatan kesihatan sekolah diberikan kepada murid-murid darjah satu dan enam. Penilaian biasa kesihatan dilakukan terhadap semua murid darjah satu oleh kakitangan kesihatan di mana guru-guru sekolah membantu dalam kerja menyimpan rekod, mengukur tinggi dan berat badan dan menentukan kesihatan mata. Jururawat juga memberi ubat pelalian bagi penyakit-penyakit tibi, penyakit kerongkong, kancing dagu, lumpuh dan cacar. Jika perlu, doktor-doktor akan cuba memeriksa semua murid dalam darjah satu untuk menentukan kesihatan dan memberikan lebih masa untuk memeriksa kes-kes yang dirujukkan oleh jururawat. Sebarang kegajilan yang dikesan akan dirujukkan kepada pakar-pakar berkenaan.

Di Padang Serai perkhidmatan seperti disebutkan telahpun diadakan sejak tahun 1971. Pasukan Kesihatan melawat sekolah-sekolah di daerah kawasan operasi Pusat Kesihatan Kecil Padang Serai. Tujuannya ialah bagi meliputi 100% sekolah-sekolah rendah dan murid-murid darjah satu.

Ada 81 buah sekolah rendah dan 11 buah sekolah menengah di daerah

kesihatan Baling dan Kulim. Sebagai tambahan kepada perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Kesihatan Kecil Padang Serai, kemudahan-kemudahan seperti berikut boleh juga didapati yang boleh memberikan perkhidmatan seperti yang disebutkan.

Selain dari kemudahan-kemudahan yang disebutkan ada juga Pusat Kesihatan Kecil di Karangan yang mempunyai 16 buah Klinik Bidan dan 3 buah Klinik Desa di bawah jagaannya dan sebuah Pusat Kesihatan Kecil di Lunas sudahpun bertugas.

- (b) Mengenai Pasukan Bergerak, maka sudah pun ada satu pasukan bertugas di Padang Serai dan kawasan Karangan yang memberikan pelbagai perkhidmatan kesihatan ke daerah-daerah pendalaman yang termasuk juga perkhidmatan-perkhidmatan kepada ibu-ibu, anak kecil, kanak-kanak dan kanak-kanak sekolah.

Mengenai perkhidmatan pergigian, sebuah Klinik Pergigian Bergerak yang baru telah ditempatkan di Kulim untuk memberi perkhidmatan kepada kawasan-kawasan luar bandar di daerah tersebut. Klinik ini akan memulakan perkhidmatannya tidak lama lagi. Kakitangan-kakitangan Klinik Pergigian Bergerak ini akan melawat seberapa banyak sekolah yang boleh untuk memberi rawatan kepada murid-murid di sekolah-sekolah tersebut.

KECURIAN KERTAS PEPERIKSAAN BAHASA MALAYSIA

33. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau telah menjalankan suatu penyiasatan berhubung dengan kes kecurian kertas Bahasa Malaysia di Sekolah Menengah Sultan Ismail, Kemaman, dan jika ya, samada Kementerian beliau telah membuat kawalan yang lebih ketat ke atas kertas-kertas peperiksaan untuk mengelakkan dari terjadinya kecurian kertas peperiksaan di masa akan datang.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Pelajaran telahpun menjalankan satu penyiasatan yang rapi ke atas kes kecurian kertas soalan yang berlaku di Kemaman berhubung

dengan peperiksaan pada tahun lepas. Berdasarkan kepada penyiasatan tersebut pihak Kementerian Pelajaran akan mengambil beberapa langkah tambahan untuk memperketatkan lagi langkah-langkah keselamatan peperiksaan khususnya berhubung dengan penyimpanan kertas-kertas soalan di bilik-bilik kebal di peringkat negeri.

Langkah-langkah tambahan yang dimaksudkan itu termasuklah satu kajiselidik ke atas semua bilik-bilik kebal yang ada di pering negeri, samada bertempat di Jabatan Pelajaran negeri mahupun di sekolah-sekolah, iaitu yang dijalankan bersama oleh Pegawai-pegawai Keselamatan Kerajaan dan juga pegawai-pegawai yang berkenaan di Jabatan-jabatan Pelajaran negeri/Lembaga Peperiksaan. Kajiselidik ini adalah bertujuan untuk memastikan apa-apa kelemahan yang masih terdapat di bilik-bilik kebal tersebut akan dapat diatasi dengan berkesannya. Selain dari itu Kementerian Pelajaran juga telah memutuskan bahawa bagi tujuan penyimpanan kertas-kertas soalan di peringkat negeri segala ikhtiar akan diusahakan untuk menggunakan balai polis—bilik-bilik kebal sekolah hanya akan digunakan sekiranya kemudahan-kemudahan balai polis tidak dapat diperolehi. Dalam keadaan yang demikian langkah-langkah yang ketat akan diambil untuk menentukan bilik-bilik kebal di sekolah itu boleh menjamin keselamatan kertas-kertas soalan yang tersimpan di dalamnya.

KELAYAKAN INSTITUSI PELAJARAN TINGGI DI INDIA

34. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar tentang rasa tidak senang hati yang mendalam oleh pelajar-pelajar Malaysia di India atas kesenyapan pihak berkuasa bersabit dengan tuntutan-tuntutan dan kesulitan-kesulitan mereka termasuk seruan mereka untuk pengiktirafan resmi kursus-kursus dan ijazah-ijazah yang diambil oleh mereka di kolej-kolej dan universiti-universiti di India dan jika ya, nyatakan langkah-langkah positif yang beliau akan ambil untuk memulakan dialog yang bermakna dengan pelajar-pelajar di sana.

Dr Mahathir bin Mohamad Saya tidak pernah menerima secara rasmi tentang perkara-perkara yang dinyatakan oleh Ahli

Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, adalah menjadi pengetahuan umum bahawa Kerajaan tidak mengiktiraf kelayakan-kelayakan yang diperolehi daripada Institusi-institusi pelajaran tinggi di India. Oleh itu sesiapa jua yang masih lagi pergi ke sana dan mengambil kursus-kursus pengajian dalam mana ijazah atau lain-lain kelulusan itu tidak diiktiraf, ini bukanlah salah sesiapa melainkan diri mereka sendiri.

Saya telah diberitahu tentang perkara ini oleh satu kumpulan penuntut dari India. Malangnya persatuan penuntut di India tidak begitu teratur dan tidak memberitahu Persuruhjaya Malaysia tentang masaalah mereka secara teratur.

Masaalah pengiktirafan adalah masaalah lain yang mesti ditimbang mengikut cara-cara tertentu. Jika ijazah-ijazah itu dikeluarkan oleh institusi yang diiktiraf maka pihak Kerajaan akan menimbang pengiktirafannya. Malangnya taraf ijazah beberapa institusi di India dikhuatiri oleh India sendiri.

SEKIM PINJAMAN BUKU TEKS

35. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan yang beliau telah ambil terhadap pemohon-pemohon yang berjaya mendapatkan buku-buku teks daripada sekim bantuan buku-buku teks Kerajaan yang selepas mendapatkan buku-buku tersebut menjualkan buku-buku itu dan dengan membuat demikian mereka telah menafikan pelajar-pelajar lain peluang untuk mendapatkan buku-buku teks tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Mungkin pemerhatian dan pertanyaan ini dibuat berdasarkan kepada ucapan saya di Rengit, Johor dalam bulan Februari berkenaan dengan buku teks sekim pinjaman dijual di kedai buku. Lapuran serta ulasan berita ditulis sedemikian rupa sehingga ia menggambarkan perkara penjualan buku-buku teks tersebut berlaku secara besar-besaran. Ia juga mungkin telah menimbulkan fahaman bahawa guru atau ibu-bapa telah melibatkan diri dalam penjualan buku-buku teks sekim pinjaman.

Apa yang telah berlaku ialah seorang bapa telah melaporkan kepada saya bahawa sebuah buku teks yang dibelinya dari sebuah kedai buku di Melaka mempunyai cop Sekim Pinjaman Buku Teks serta dengan cop

nama sekolah dan nombor kod buku. Ini merupakan satu kesalahan dan pegawai-pegawai Kementerian terus menjalani penyiasatan. Hasil daripada penyiasatan itu dapatlah diketahui apa yang telah berlaku sebenarnya. Sebanyak 7 buah buku teks Sekim Pinjaman telah terjual di kedai buku tersebut. Ketujuh-tujuh buah buku ini dibekalkan kepada kedai buku berkenaan oleh sebuah pengedar buku di Negri Sembilan. Pengedaran buku telah tersalah bekalkan buku-buku teks sekim pinjaman kepada kedai buku tersebut. Ada beberapa buah sekolah di Negri Sembilan yang telah memulangkan buku-buku teks kepada pengedar buku ini disebabkan buku-buku teks ini rosak atau cacat percetakannya. 7 daripada beberapa buah buku teks yang dipulangkan inilah yang telah terbekal kepada kedai buku di Melaka. Buku-buku teks yang terjual ini sebenarnya adalah buku-buku yang rosak dan kesemuanya pula mempunyai cop sekolah-sekolah tertentu di Negri Sembilan. Pihak Kementerian puas hati yang penyelewengan tidak berlaku. Sebaliknya ia merupakan satu kesilapan yang tidak disengajakan. Buku-buku teks berkenaan juga telahpun diganti.

SEKOLAH RENDAH PEREMPUAN NONG CHIK

36. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa Sekolah Rendah Perempuan Nong Chik selalu ditutup diwaktu hujan di sebabkan air masuk ke dalam bangunan sekolah dan ini menggagalkan pelajaran murid-murid dan jika sedar, nyatakan rancangan Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Keadaan sekolah ini tidaklah seburuk yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pelajaran sentiasa menyedari akan keadaan ini. Berlakunya banjir di kawasan Kampong Nong Chik, termasuk Sekolah Rendah Perempuan Nong Chik ialah disebabkan oleh pengaliran air di Sungai Chat yang tidak memuaskannya kerana sungai itu hampir kabus. Kerajaan Negeri Johor telahpun mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini dengan mengadakan "Projek Sungai Chat". Projek ini menelan belanja \$3,600,000 termasuk melebar, mendalam dan menyimin sungai tersebut. Projek ini telahpun berjalan selama hampir tiga tahun dan di jangka siap

pada akhir tahun ini. Apabila siap projek ini, kawasan sekolah tidak akan dilanda banjir lagi.

PINJAMAN BUKU TEKS

37. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa borang-borang permohonan bagi pinjaman buku teks Kerajaan tahun ini lambat diberikan kepada murid-murid dan akibatnya ramai murid-murid sekolah dari golongan yang tidak berada baik di kawasan-kawasan luar bandar mahupun di bandar tidak dapat meneruskan pelajaran mereka, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan kejadian seperti ini berlaku lagi di masa hadapan; dan
- (b) samada benar bahawa buku-buku teks yang sepatutnya dipinjamkan kepada murid-murid dijual di beberapa buah kedai buku, jika ya, di mana dan apakah tindakan yang telah diambil atas perkara ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Setahu saya tiada berlaku apa-apa kelambatan kerana borang-borang permohonan telah disampaikan kepada semua jenis sekolah melainkan sekolah-sekolah kebangsaan daripada minggu pertama Jun 1975 lagi. Borang permohonan tidak perlu bagi sekolah-sekolah kebangsaan oleh kerana semua murid di sekolah-sekolah tersebut diberi bantuan buku teks. Borang-borang bagi sekolah-sekolah membuat pesanan dikeluarkan pula daripada akhir bulan Jun 1975. Permohonan dari sekolah-sekolah diterima daripada awal bulan Ogos 1975.

Berdasarkan kepada aduan yang diterima dan penyiasatan yang dijalankan, tidaklah ada buku-buku teks sekim pinjaman di jual di beberapa buah kedai buku.

Y.B. DATUK JAMES WONG— SYARAT PEMBEBASAN

38. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah apa-apa syarat yang telah dikenakan ke atas Yang Berhormat Datuk James Wong

Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Limbang dan rakan-rakan beliau yang telah dibebaskan dari tahanan baru-baru ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Ya, Y.B. Datuk James Wong dan 4 orang rakan-rakannya telah dibebaskan dengan bersyarat pada 30hb Januari, 1976 baru-baru ini.

Syarat-syarat itu ialah:

- (1) bahawa mereka hendaklah tinggal dan menetap di Daerah Polis Limbang dan tidak boleh meninggalkan atau keluar daripada Daerah Polis Limbang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada O.C.P.D. Limbang dan mereka tidak boleh meninggalkan atau keluar daripada negeri Sarawak tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya Polis Sarawak;
- (2) bahawa mereka tidak boleh menukar-kan alamat tempat tinggal di Daerah Polis Limbang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada O.C.P.D. Limbang atau tinggal di alamat yang lain di luar Daerah Polis Limbang tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pesuruhjaya Polis Sarawak;
- (3) apakala mereka diberi kebenaran sementara untuk meninggalkan atau keluar daripada Daerah Polis Limbang di bawah syarat pertama atau menukar alamat tempat tinggal di dalam Daerah Polis Limbang atau menetap di satu alamat lain di luar Daerah Polis Limbang di bawah syarat No. 2 semua syarat-syarat berkenaan ini akan terus berkuatkuasa ke atas mereka sebagaimana ianya terpakai semasa mereka di Daerah Limbang ataupun di alamat tempat tinggalnya yang dahulu pada masa yang berkenaan;
- (4) bahawa mereka tidak boleh memberi ceramah umum atau memegang jawatan atau mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti atau menjadi penasihat kepada mana-mana kesatuan sekerja atau parti politik atau mengambil bahagian di dalam mana-mana aktiviti politik selain daripada mengundi di dalam pilihanraya yang mana mereka berhak mengundi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1975)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN)(BIL. 2), 1975

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) (1975) dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (1975) dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (8hb April, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kepala B. 19.

Kepala B. 19 (Jadual)—

3.32 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah \$207,175 di bawah Kepala B. 19—Kementerian Perusahaan Utama diluluskan oleh Dewan yang mulia ini bagi dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan), 1975.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya adalah memerlukan peruntukan wang tambahan berjumlah \$207,175 dalam tahun 1975 di bawah Kepala B. 19, Pecahan-kepala 4100 iaitu pemberian subsidi dan caruman. Peruntukan tambahan ini adalah dikehendaki bagi menambah sumbangan Malaysia yang telah meningkat dari 9,681 kepada \$13,021 setahun bagi Asian and Pacific Coconut Community dan dari \$252,740 kepada 336,152 setahun bagi Majlis Timah Antarabangsa. Ini adalah disebabkan oleh kenaikan kos Belanja Merigurus di kedua-dua buah

pertubuhan tersebut berikutan daripada kenaikan harga barang-barang pada umumnya dan di seluruh dunia dalam tahun 1975, Asian and Pacific Coconut Community dan Majlis Timah Antarabangsa seperti yang tersebut itu telah tidak dapat dielakkan.

Tuan Pengerusi, dengan demikian, saya memohon supaya sejumlah wang sebanyak \$207,175 di bawah Kepala B. 19—Kementerian Perusahaan Utama dan Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Bil. 2) dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Seharian ini, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$207,175 untuk Kepala B. 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengemukakan Anggaran Belanja P. 20.

Kepala P. 20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975)—

3.40 ptg.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya bangun mengusulkan supaya Peruntukan Tambahan sebanyak \$640,600 di bawah Kepala P. 20 Anggaran Pembangunan, 1975 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Pecahan-kepala 8—Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berpendapat bahawa sebuah Pusat Pembangunan Perusahaan Logam (Metal Industries Development Centre) adalah diperlukan untuk tujuan meningkatkan teknologi dan kecekapan pengurusan dalam perusahaan foundry tool making and metal working serta lain-lain enterprise yang berkaitan dari segi reka bentuk, pengeluaran dan penggunaan berbagai jenis castings, dices moulds, tools, fixtures dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan yang wujud. Perusahaan foundry tool making and metal working merupakan perusahaan terpenting bagi pembangunan perindustrian. Langkah-langkah meninggikan serta memajukan teknologi dan amalan perusahaan bagi

sektor tersebut akan dapat mengukuhkan asas industri di negara ini. Pusat ini apabila siap kelak akan dapat memainkan peranan yang penting di dalam mewujudkan keadaan yang baik bagi perkembangan industri di Malaysia melalui permodalan, teknik dan kelahiran tenaga kerja yang mahir. Khidmat nasihat dan latihan yang akan dikendalikan oleh Pusat ini akan juga dapat membantu pencapaian objektif Kerajaan memperluaskan penyertaan kaum bumiputra di dalam bidang industri.

Berhubung dengan ini Kerajaan telah meminta bantuan daripada U.N.D.P. dan juga UNIDO untuk menyediakan dan melaksanakan projek ini. Laporan teknik atas pembentukan Pusat ini telahpun diterima daripada pihak perunding projek ini dari Rumania. Laporan ini antara lain mengandungi belanjawan untuk melaksanakan projek ini termasuk binaan bangunan memperoleh alat-alat kelengkapan dan memasangnya, pakar-pakar antarabangsa, dan progress Fellowship, pengambilan kakitangan tempatan dan sebagainya. Kerja-kerja awal bagi melaksanakan Pusat ini telahpun dimulakan dan tapak bagi Pusat ini akan diperolehi secepat mungkin. Aktiviti-aktiviti berikutnya seperti binaan bangunan memperoleh alat-alat kelengkapan dan pengambilan kakitangan dijangka akan bermula dalam tahun 1976.

Tuan Pengerusi, projek ini melibatkan anggaran belanja sebanyak \$8.2 juta. Sumbangan Kerajaan Malaysia adalah sebanyak \$5.5 juta, sementara U.N.D.P. memberi sumbangan sebanyak \$2.7 juta. Daripada jumlah sumbangan Kerajaan Malaysia sebanyak \$5.5 juta itu, \$640,600 adalah dikehendaki di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan bakinya diuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Oleh kerana hanya peruntukan tanda sebanyak 10 sahaja diperuntukkan di bawah Anggaran Pembangunan 1975 bagi projek ini, kelulusan Parlimen adalah dipohon untuk wang tambahan sebanyak \$640,600 yang mana telahpun didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan meminda anggaran di bawah Pecahan-kepala yang berkenaan daripada 10 kepada \$640,600.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$640,600 untuk Kepala P. 20 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975.

Kepala B. 22 (Jadual)—

3.44 ptg.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan supaya peruntukan berjumlah sebanyak \$100,000 di bawah Kepala B. 22, Kementerian Pertahanan seperti yang terbentang dalam Memorandum Perbendaharaan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1975 diluluskan.

Peruntukan sebanyak \$100,000 yang dikemukakan ini adalah untuk Perbelanjaan Pentadbiran Lembaga Tabung Angkatan Tentera bagi tahun 1975. Pemberian ini adalah yang ketiga dan yang terakhir untuk Tabung berkenaan. Keperluan perbelanjaan selanjutnya akan diperolehi dari punca anggaran Lembaga itu sendiri.

Untuk makluman, sebanyak \$150,000 telah diberi dalam tahun 1973 dan \$200,000 dalam tahun 1974.

Tuan Pengerusi, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum mengenai tujuan-tujuan Tabung Angkatan Tentera ditubuhkan seperti mana yang dinyatakan apabila Dewan ini meluluskan Akta 101, tahun 1973 dahulu.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan.

Masaalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$100,000 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala P. 23 dan P. 24 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 2), 1975)—

4.36 ptg.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa peruntukan tambahan sebanyak \$1.5 juta di bawah Kepala P. 23, Kementerian Pelajaran dan sebanyak \$2.5 juta di bawah Kepala P. 24, Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah dimasukkan dalam Jadual Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua tahun 1975.

Di bawah Kepala P. 23, Kementerian Pelajaran, jumlah peruntukan tambahan yang dikehendaki sebanyak \$15 juta adalah bagi membiayai pembayaran kontrek untuk membina Universiti Kebangsaan di Bangi, Selangor. Di bawah Kepala P. 24, Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah, peruntukan yang diperlukan sebanyak \$2.5 juta itu adalah bagi membina dan membesarkan sekolah-sekolah menengah di Sarawak. Keterangan-keterangan lanjut bagi peruntukan tambahan yang diperlukan ini terdapat pada muka surat 11 dalam Kertas Perintah 4 Tahun 1976 Memorandum Perbendaharaan berkenaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1975.

Tuan Pengerusi, dengan penerangan tersebut di atas, saya mohon mencadangkan.

4.38 ptg.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong Perbelanjaan Tambahan yang berjumlah \$17.5 juta di bawah Kepala P. 23 dan P. 24 untuk Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi, semasa menjalani kursus-kursus sidang akademik di dalam Universiti Kebangsaan saya dapat tahu lebih kurang 7 bahasa itu bahasa-bahasa Malaysia, Burma, Jepun, Korea, Perancis dan lain-lain telah digunakan. Tuan Pengerusi, dari senarai yang saya sebut tadi, kita dapat membuktikan betapa besar minat Kerajaan ingin melengkapkan jenerasi muda kita dengan berbagai bahasa tetapi malangnya satu bahasa lagi telah dilupakan sama sekali, kebetulannya bahasa itu adalah bahasa Tamil. Universiti Kebangsaan kita difahamkan tidak mempunyai mata pelajaran bahasa Tamil, tetapi Universiti Malaya ada mempunyai mata-pelajaran bahasa Tamil.

Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, sukalah saya mengingatkan bahawa di antara kaum-kaum yang terdapat di dalam negara kita, kita mempunyai lebih kurang 750,000 penduduk berbahasa Tamil. Bahasa Tamil merupakan satu bahasa yang mempunyai latar belakang sejarah yang berasal beribu-ribu tahun.

Tuan Pengerusi, saya telah difahamkan penuntut-penuntut Bumiputra di dalam Universiti cukup berminat hendak mempelajari bahasa Tamil. Kerana ia akan memberikan peluang untuk mereka mengenali

bahasa yang dipertuturkan oleh saudara-saudara seperjuangan mereka. Ini akan mendapatkan banyak faedah kepadanya walaupun sesudah mereka lulus dalam mata-pelajaran itu, ia akan tetap merupakan satu keuntungan kepada graduan-graduan Bumi-putra terutama sekali untuk memudahkan perhubungan dengan saudara-saudara mereka iaitu rakyat Malaysia keturunan India.

Kalau penuntut-penuntut di dalam Universiti Kebangsaan diberikan peluang belajar lebih kurang 10 macam bahasa mengapa pula mereka dihindarkan dari peluang mempelajari satu bahasa yang telah wujud di kalangan mereka sejak tiga atau empat jenerasi yang lampau. Oleh itu, Tuan Pengerusi, inginlah saya menegaskan di sini sekiranya ada di kalangan Bumiputra yang berminat hendak mempelajari bahasa Tamil, beliau hendaklah diberikan peluang dan galakan yang sewajarnya.

Akhir sekali, inginlah saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran supaya ia dapat menimbangkan issue memperkenalkan bahasa Tamil dalam Rancangan Bahasa, di Universiti Kebangsaan.

Saya juga berharap Majlis Universiti Kebangsaan akan dapat memberikan pertimbangan yang ikhlas ke arah memperkenalkan bahasa Tamil di dalam Rancangan Bahasa.

3.52 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya juga turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan menyokong penuh di atas Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya menyentuh kepada Kepala P. 24, Jabatan Pelajaran—Sarawak dan Sabah.

Wang yang diperuntukkan sebanyak \$2,500,000. Sebagai wakil dari luar bandar di sini saya suka memberi pandangan sedikit kepada Kementerian yang berkenaan, supaya wang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dapat memberi faedah betul-betul kepada rakyat dan kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Tuan Pengerusi, saya tertarik hati di atas tambahan ini kerana pendapatan saya semenjak hampir empat tahun yang lepas iaitu selepas Kerajaan Negeri Sarawak

telah mengambil alih pelajaran dari Kerajaan tempatan di Sarawak. Soal kakitangan-kakitangan Kerajaan di Sarawak patutlah diperbesarkan supaya perkara yang tidak memuaskan dapat disiasat dengan betul-betul seperti banyak rumah-rumah sekolah rendah di luar bandar hampir buruk dan begitu juga rumah-rumah guru yang mengajar di luar bandar banyak terbiar dalam beberapa tahun yang lepas. Ini perkara sangat penting sekali. Oleh yang demikian, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian kerana wang yang diperuntukkan di sini cuma dikehendaki untuk sekolah menengah sahaja.

Kerajaan mesti mengambil berat atau mengambil perhatian. Kita tahu hampir 90% guru-guru yang mengajar di luar bandar sudah mendapat kursus-kursus dari Maktab Perguruan di Negeri Sarawak, dan di samping itu saya fikir guru-guru yang mengajar di luar bandar pun patutlah sama difikirkan dengan guru-guru yang mengajar di bandar-bandar. Beberapa tahun yang lalu guru-guru yang mengajar di luar bandar sentiasa tinggal di rumah yang buruk, bukan Kelas C atau D; Kelas Z pun bukan kerana lagi masih banyak guru-guru ini tinggal di rumah yang tidak memuaskan. Oleh hal yang demikian, saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab dapat mengambil perhatian di atas perkara yang berat ini.

Selain daripada itu, berkenaan dengan bangku-bangku di sekolah rendah di luar bandar. Banyak murid-murid di sekolah membaca tidak ada bangku. Ini satu lagi perkara yang penting sekali, kerana bersekolah ini bukan sahaja dua, tiga hari bahkan bertahun-tahun murid-murid mengambil pelajaran. Saya meminta Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab seberat-beratnya mengambil perhatian.

Yang akhir sekali, berkenaan dengan buku-buku teks. Soal kekurangan buku-buku ini bukan sahaja di luar bandar bahkan di seluruh Malaysia. Dan soal kekurangan buku-buku teks ini sudah beberapa kali dibangkitkan di dalam rumah yang mulia ini dan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga yang akan datang ini, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dapat mengadakan banyak lagi buku-buku teks kepada sekolah-sekolah di luar bandar.

3.55 *ptg.*

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbuan Menteri berkenaan Kepala P. 23 berjumlah sebanyak \$15,000,000 yang dikhaskan kepada Universiti Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, apabila kita membaca balik sejarah bagaimana Universiti Kebangsaan ditubuhkan dahulu dan dengan sendirinya kita tahulah, Tuan Pengerusi sendiri pada masa itu menjadi Pengerusi Penuhban Universiti Kebangsaan ini dengan kehendak rakyat seluruhnya. Oleh sebab itu, apabila sahaja pelaksanaan Universiti Kebangsaan ini di negara kita dan tidak berapa lama lagi yakni daripada sekarang ini telah ada mereka yang telah keluar daripada Universiti ini dan saya berharap supaya mana-mana pihak pun tidak menganggap mereka yang lulus daripada Universiti Kebangsaan ini setaraf dengan Universiti Malaya. Bahkan diharapkan sangat-sangat supaya kelulusan mereka daripada Universiti Kebangsaan sama setaraf dengan Universiti Malaya. Oleh sebab itu, tidak ada sebarang alasan supaya mereka ini tidak diberi peluang sepertimana mereka yang telah lulus daripada Universiti Malaya, bahkan di negara kita ini selain daripada Universiti Kebangsaan telah pun ada beberapa universiti lagi. Oleh sebab itu, saya menarik perhatian ini dan menyokong sungguh-sungguh supaya pelaksanaan ini terus dijalankan dan jika dikehendaki lebih daripada inipun saya menyokong supaya benar-benar sebuah Universiti setaraf dengan peringkat antarabangsa di negara kita.

Selain daripada ini, Tuan Pengerusi, oleh kerana ramai pelajar-pelajar kita yang kadang-kadang tidak dapat peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat-peringkat universiti oleh kerana mereka ini tidak ada kemampuan, oleh sebab itu saya berharap supaya Kementerian yang berkenaan ini mencari jalan lagi bagaimana pelaksanaan supaya ramai lagi penuntut-penuntut dapat melanjutkan pelajaran khususnya di Universiti Kebangsaan dan dapat pula memberi satu kenyataan bahawa Universiti Kebangsaan ini benar-benar sebuah universiti sepertimana yang ujud di negara kita—Universiti Malaya.

3.58 *ptg.*

Tuan Chan Siang Sun: Terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada peruntukan ini dan diucapkan terima kasih juga kepada pandangan-pandangan dan juga pendapat-pendapat Ahli Yang Berhormat yang membina untuk Kementerian saya.

Yang Berhormat dari Sungai Siput ada buat rayuan supaya kita dapat kursus untuk pengajaran atau untuk pelajaran Bahasa Tamil di Universiti Kebangsaan. Jadi apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya ingat barangkali berkenaan pelajaran tinggi. Tetapi pada masa sekarang seperti apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu di Universiti Malaya ada pengajaran peringkat tertinggi bahasa Tamil dan kita tidaklah dapat menimbangkan rayuan mereka supaya diadakan kursus seperti itu di Universiti Kebangsaan. Pihak Kementerian mendapat tahu juga bahawa pada masa sekarang ada cukup tempat untuk mereka yang hendak memasuki kursus mempelajari bahasa Tamil di Universiti Malaya.

Yang Berhormat dari Batang Lepar ada menyokong iaitu selain daripada mengalukan peruntukan untuk membina sekolah-sekolah menengah di negeri Sarawak, beliau juga berharap sekolah-sekolah rendah, rumah-rumah guru dan juga buku-buku teks dapat dijalankan dengan sempurna. Bolehlah dikatakan menjadi hasrat Kementerian saya iaitu di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kita akan meminta peruntukan yang lebih khasnya untuk negeri Sarawak dan Sabah supaya kita dapat meninggikan taraf pelajaran di kedua-dua buah negeri itu. Kita bukan hendak meminta peruntukan untuk sekolah menengah sahaja tetapi sekolah rendah juga.

Berkenaan dengan rumah untuk guru-guru, ini barangkali akan mengambil masa yang lebih sedikit oleh kerana seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum kita baharu sahaja meluaskan Akta Pelajaran ke negeri Sarawak pada tahun ini. Ini akan memakan masa sedikit. Walau bagaimanapun, pegawai saya di Bahagian Pembangunan akan membuat kajian supaya banyak lagi rumah-rumah untuk guru-guru dapat dibina di negeri Sarawak.

Berkenaan dengan buku teks, saya sudah memberi penerangan yang lanjut di dalam Dewan ini kelmarin, oleh itu saya tidak inginlah melanjutkan perkara ini. Walau bagaimanapun oleh kerana Sekim Pinjaman buku-buku teks ini baru dapat kita laksanakan pada tahun lalu dan merupakan satu sekim yang baru, tentulah ada kerumitan atau masalah-masalahnya. Walau bagaimanapun, kita berharaplah supaya sekim ini jangan dipanjang-panjangkan, kalau dipanjangkan barangkali boleh menunjukkan satu keadaan ekonomi negara yang tidak berapa sihat. Kita berharap barangkali dua tiga tahun lagi sekim ini tidak dapat dikehendaki lagi.

Yang Berhormat dari Matang ada menyentuh tentang memelihara taraf akademik di Universiti Kebangsaan. Kita memang dapat peliharaan taraf akademik itu dan hari ini kita dapati ramai mahasiswa-mahasiswa yang dikeluarkan daripada Universiti Kebangsaan mendapat tempat yang baik di dalam Kerajaan dan swasta. Kita berharap juga mudah-mudahan pada tahun-tahun yang akan datang kita bukan hanya dapat memelihara taraf akademik yang tinggi, tetapi juga seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput tadi, kita akan dapat mengembangkan pengajian bahasa supaya kita dapat mencapai satu taraf yang sama dengan universiti antarabangsa yang lain. Ini adalah hasrat dan tujuan kita. Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan supaya lebih ramai lagi penuntut-penuntut kita memasuki Universiti Kebangsaan dan lain-lain universiti. Sesuai untuk keupayaan (capacity) kita dapat menambahkan bilangannya dari setahun ke setahun tetapi kita membuat satu kajian supaya penuntut-penuntut yang memasuki universiti tidak berlebihan-lebihan. Kalau sebuah negara yang membangun dapat mengeluarkan pemegang-pemegang ijazah yang lebih mungkin pada suatu hari kelak akan menjadi satu negara yang semua rakyatnya dapat ijazah, kita tidak tahu siapa dapat akademik taraf yang tinggi atau rendah. Soal seperti ini juga ada dihadapi di dalam negara-negara yang membangun. Kita tidak mahu pada suatu hari nanti Malaysia over produce tenaga akademiknya dan ini akan mendatangkan kesusahan pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, nampaknya ada perkembangan di negara kita, pembangunan yang pesat sekarang di negara kita

masih memberi peluang lagi kepada rakyat kita. Tetapi janganlah sampai kesatu peringkat yang mana kita tidak dapat mengawal keadaan itu. Kerajaan khasnya Kementerian saya akan memberi perhatian yang berat atas perkara ini supaya kita mematuhi hasrat negara kita dan kita dapat memberikan pelajaran dan latihan akademik untuk penuntut-penuntut di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang dapat saya berikan penjelasan atas soal yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$15,000,000 untuk Kepala P. 23 dan \$2,500,000 untuk Kepala P. 24 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1975.

Kepala B. 25 (Jadual)—

Kepala P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1975)—

4.08 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Pengerusi, saya meminta izin supaya perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1975 di bawah Kepala B. 25 yang berjumlah \$12,531,166 dan Perbelanjaan Pembangunan P. 25 berjumlah \$2,937,570 diluluskan.

Menurut penjelasan yang diberi di dalam Kertas Perintah 2, 1976 muka 11—Peruntukan tambahan dikehendaki untuk menambahkan perbelanjaan Mengurus Kementerian ini bagi tahun 1975 yang berjumlah \$30,747,150. Daripada jumlah \$12,531,166 ini sebanyak \$5,411,527 ialah untuk bayaran gaji dan elaun. \$4,296,468 untuk perkhidmatan dan bekalan dan \$2,793,130 untuk mendapatkan harta modal.

Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat memperhatikan bahawa di dalam Kertas Perintah No. 3, 1976 di muka 12, jumlah tambahan sebanyak \$2,937,570 yang dikehendaki di bawah Anggaran Pembangunan ialah untuk membeli sebuah rumah kediaman rasmi Duta Besar Malaysia di Jeddah.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$12,531,166 untuk Kepala B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$2,937,570 untuk Kepala P. 25 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975.

Kepala B. 26, B. 27, B. 28, B. 29 dan B. 30 (Jadual)—

Kepala P. 26 dan P. 29 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975)—

4.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Pengerusi, dengan izin saya membentangkan Anggaran Belanja Tambahan Kedua, Kementerian Kewangan bagi tahun 1975 yang meliputi anggaran Jabatan-jabatan yang termasuk di bawah portfolio Kementerian Kewangan, dan saya mencadangkan supaya peruntukan berikut diluluskan:

Anggaran Belanja Mengurus 1975

Kepala B. 26 Perbendaharaan	\$ 115,100
Kepala B. 27 Perkhidmatan Am Perbendaharaan	2,550,000
Kepala B. 28 Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun	29,200,000
Kepala B. 29 Kastam dan Eksais Di Raja	3,449,108
Kepala B. 30 Jabatan Hasil Dalam Negeri... ..	1,037,200
	\$36,351,408

Anggaran Pembangunan 1975

Kepala P. 26 Perbendaharaan	\$21,150,000
Kepala B. 29 Kastam dan Eksais Di Raja	5,126,746
	\$26,276,746

ANGGARAN BEKERJA MENGURUS 1975

Kepala Bekalan 26—Perbendaharaan

Tambahan sebanyak \$115,000 adalah dikehendaki bagi menambah belanja mengurus Jabatan ini oleh kerana peruntukan yang disediakan dalam tahun 1975 sebanyak

\$14.3 juta adalah didapati tidak mencukupi, oleh kerana sebab-sebab yang berikut.

Perkhidmatan dan Bekalan

Sebanyak \$32,000,030 adalah diperlukan untuk tujuan perkhidmatan dan bekalan yang telah bertambah antaranya ialah tuntutan perjalanan dalam dan luar negeri dan perbelanjaan untuk kemudahan perhubungan seperti panggilan talipon dan bayaran telex.

Pembelian Harta Modal

Sebanyak \$83.5 ribu diperlukan untuk Pembelian Harta Modal. Sebahagian besar dari jumlah ini ialah untuk perbelanjaan membeli alat-alat dan perkakas pejabat serta membuat sekatan-sekatan bilik bagi Bahagian Pengurusan Kontrek dan Bekalan yang telah berpindah ke pejabat barunya di Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

Kepala Bekalan 27—Perkhidmatan Am Perbendaharaan

Tambahan sebanyak \$2.6 juta adalah dikehendaki di bawah "Perkhidmatan Rahsia" oleh kerana peruntukan yang disediakan sebanyak \$2.0 juta adalah didapati tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan dalam tahun 1975. Tambahan peruntukan ini diperlukan oleh ejensi-ejensi Kerajaan terutamanya Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja dan Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi "Perkhidmatan Rahsia" mereka.

Kepala Bekalan 28—Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun

Tambahan sebanyak \$29.2 juta adalah diperlukan di bawah Kepala Bekalan ini untuk membiayai kumpulan-kumpulan wang yang berikut:

(i) *Kumpulan Wang Cadangan untuk Negeri*

Sebanyak \$13.0 juta dikehendaki untuk membiayai belanja mengurus Negeri-negeri yang kekurangan wang iaitu Negeri Trengganu (\$10.0 juta) dan Negeri Kedah (\$3.0 juta).

(ii) *Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan*

Sebanyak \$10.0 juta dikehendaki untuk membiayai pinjaman perumahan yang bertambah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang berke-layakan.

(iii) *Kumpulan Wang Perkhidmatan Kenderaan*

Sebanyak \$6.2 juta dikehendaki untuk membiayai pendahuluan-pendahuluan kenderaan yang bertambah kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen yang berkelayakan.

Kepala Bekalan 29—Kastam dan Eksais Di Raja

Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$3.5 juta oleh kerana peruntukan yang disediakan sebanyak \$34.1 juta bagi tahun 1975 adalah didapati tidak mencukupi kerana:

Gaji

Sebanyak \$2.7 juta adalah diperlukan kerana bayaran gaji dan bonus kepada kakitangan Bahagian Cukai Perkhidmatan mulai dari 1-3-75, dari juga bayaran tunggakan gaji kepada Pegawai Kastam Kanan dan Rendah yang telah dinaikkan pangkat.

Perkhidmatan dan Bekalan

Sebanyak \$108,000 diperlukan bagi Perkhidmatan dan Bekalan untuk menemui perbelanjaan tuntutan-tuntutan pertukaran Pegawai-pegawai, penyewaan lori untuk pengangkutan barang-barang rampasan, perbelanjaan keperluan perhubungan talipon yang bertambah dan perbelanjaan api, air dan letrik.

Pembelian Harta Modal

Sebanyak \$652,000 ribu dikehendaki bagi menampung perbelanjaan melengkapkan Jabatan ini dengan perabut dan perkakas yang lebih moden seperti bot-bot laju dan senjata api untuk melicinkan lagi tugas-tugas mencegah penyeludupan.

Pemberian dan bayaran Tetap

Sebanyak \$22,000 diperlukan sebagai yuran Malaysia terhadap Biro Tariff Kastam Antarabangsa bagi tahun 1971 hingga 1975.

Kepala Bekalan 30—Jabatan Hasil Dalam Negeri

Jabatan Hasil Dalam Negeri pula berkehendakkan peruntukan tambahan sebanyak \$1 juta bagi belanja mengurus Jabatan ini

iaitu untuk membayar gaji. Peruntukan yang disediakan dalam Tahun 1975 sebanyak \$15 juta adalah didapati tidak mencukupi.

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1975

Kepala Pembangunan 26—Perbendaharaan

Peruntukan tambahan yang diperlukan untuk Kepala Pembangunan ini ialah sebanyak \$21.2 juta. Dari jumlah ini sebanyak \$20 juta ialah sebagai pendahuluan kepada Kerajaan Negeri Selangor berikutan dengan penubuhan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari, 1974. Ini adalah merupakan peruntukan yang dikehendaki bagi menambah pendahuluan yang telah diberikan sebanyak \$230 juta menjadikan pendahuluan keseluruhan sebanyak \$250 juta.

Bakinya sebanyak \$1.15 juta adalah dikehendaki sebagai Pinjaman kepada Kerajaan Negeri Pahang bagi membiayai penyertaan bersama Syarikat Permodalan dan Perusahaan Pahang Berhad dalam Mico Chipboard Company Sendirian Berhad.

Kepala Pembangunan 29—Kastam dan Eksais Di Raja

Jabatan ini memerlukan peruntukan tambahan pembayaran sebanyak \$5.1 juta bagi membeli sebuah Helikopter Jenis Allouette III, sebuah bot Kelas PX, sebuah kereta untuk digunakan oleh yunit Mencegah Penyeludupan Jabatan Kastam, membiayai bayaran kemajuan untuk pembinaan sebuah lanci 60 kaki bagi aktiviti-aktiviti mencegah penyeludupan di Sabah dan menyiapkan projek jeti dan bengkel-bengkel Kastam di Melaka.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

4.20 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Pengerusi, perkara yang pertama yang saya ingin sentuh ialah Kepala P. 26 peruntukan tambahan yang dikehendaki sebanyak \$20 juta, di sini dicatitkan pinjaman. Saya berpendapat apabila ada perundingan antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Pusat ialah kedua-kedua pihak telah bekerjasama dan Kerajaan Pusat telah memberi

wang secara langsung, bukan pinjaman sebanyak \$250 juta. Saya ingin menarik perhatian, saya terperanjat mendengar bahawa bangunan dan tanah-tanah yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Pusat adalah percuma, dan pada masa perkara ini dibincangkan di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor, kita diberitahu oleh Menteri Besar atau bekas Menteri Besar Negeri Selangor bahawa Kerajaan Pusat akan memberi wang secara langsung lump sum \$250 juta, tetapi saya berdukacita bahawa apa yang diberitahu di dalam Treasury Memorandum ini ialah pinjaman.

Perkara yang kedua, yang saya ingin sentuh ialah di dalam ordinary expenditure Kepala B. 27 tambahan sebanyak \$2,550,000 untuk perkhidmatan rahsia. Saya memang sedar semua Kerajaan di seluruh dunia ada perbelanjaan seperti ini. Saya bukan membantah tentang perbelanjaan ini tetapi apa yang saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa wang ini di dalam bahasa Inggeris dikatakan tainted money dan apa-apa keterangan (information) yang telah didapati oleh Perbendaharaan atau oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja perlu disiasat dengan telitinya sebelum wang ini dibayar kepada sesiapa mahupun Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja atau Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, tentang perbelanjaan peruntukan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja walaupun tiap-tiap kali Kerajaan atau Menteri Kewangan di dalam Dewan mendengar tuduhan tentang rasuah di dalam jabatan tersebut mereka kadangkala menafikan pegawai-pegawai di dalam Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja ada menerima rasuah, tetapi saya bukan menyatakan di dalam Dewan ini semua kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja ada corrupt, saya kata di antaranya ada sedikit sebanyak pegawai yang tidak menjalankan tugasnya dengan betul dan ada corrupt. Ini saya berharap tidak dinafikan dan saya berharap Menteri yang berkenaan atau pihak yang berkuasa mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap perkara ini dan mencegah corruption anatra pegawai-pegawai tersebut.

4.25 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong pada keseluruhannya di bawah Kepala-kepala yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berkenaan dengan peruntukan tambahan yang dikehendaki oleh Kementerianannya. Di samping itu saya tertarik kepada apa yang dikatakan oleh beliau iaitu percubaan yang akan dibuat oleh beliau untuk memperbaiki lagi perkhidmatan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja mahupun pada segi mendapat mutu kakitangan yang lebih baik dan juga perkhidmatan (service) yang lebih baik diberi oleh mereka.

Di sini saya suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan bahawa sungguhpun pada satu masa dahulu untuk memenuhi jawatan-jawatan seperti O.D.O. diambil hanya daripada orang-orang yang berkecualan sekolah rendah dan menengah tetapi pada masa sekarang sudah ada calon-calon yang memegang jawatan O.D.O. itu daripada mereka yang telah lulus M.C.E./S.P.M. dan mereka itu sekarang telah memberi perkhidmatan di antara 5 atau 10 tahun. Ada perasaan-perasaan yang tidak puas hati dikemukakan oleh calon-calon yang saya katakan tadi iaitu golongan yang mempunyai sijil M.C.E./S.P.M. yang kurang diberi layanan untuk mendapat jawatan yang lebih kanan, lebih tinggi lagi seperti Assistant Superintendent dan sebagainya kerana untuk mendapat jawatan Assistant Superintendent sekarang mengikut qualification yang dikehendaki ialah mereka yang mempunyai kelulusan H.S.C. ataupun university graduate. Pada pendapat saya sungguhpun ini perlu untuk menjaga mutu perkhidmatan tetapi orang-orang yang mempunyai sijil M.C.E./S.P.M. ini dengan ada pengalamannya 5 atau 10 tahun maka boleh juga ditimbangkan untuk peluang naik pangkat kepada Assistant Superintendent sebagai promotion from within, janglah hanya promotion from without yang akan mendatangkan frustration.

Teguran saya yang kedua, ialah berkenaan dengan sistem yang sekarang diikuti oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja pada masa jabatan ini mengadakan lelong barang-barang yang ditangkap (dirampas) atau ditahan oleh mereka—tidak ada satu cara yang sistematik. Ada kalanya diiklankan, adakalanya senyap-senyap sahaja dijual dan barang-barang yang dijualnya ialah motokar, lori,

barang-barang yang berharga. Jadi kalaulah ada satu cara yang sistematik di mana boleh dikatakan semua rakyat yang berminat untuk membelinya dapat peluang untuk pergi bersama-sama semasa lelong itu diadakan maka tidaklah hanya terdapat satu golongan sahaja di situ dan ini boleh mendatangkan tuduhan. Ini hanya dengan cara pakatan sahaja dan jangan nanti pula saya disalahfahamkan, saya menuduh—tidak. Pada masa sekarang ini merbahaya, cakap itu boleh dipulangkan, nanti dikatakan saya menuduh, saya tidak menuduh bahawa ada pakatan, tetapi saya mengatakan, nanti orang akan memikirkan: tengoklah di Johor Bahru sudah ada lelong-lelong, saya tidak tahu, tidak ada dalam iklan, apa cara maka terjadi lelong macam ini. Jadi elok dikaji satu sistem di mana barang-barang yang ditahan, barang-barang yang disimpan ini sudah cukup masanya untuk dijual dilelong dan diberitahu kepada semua orang ramai.

Tuan Pengerusi, perkara yang terakhir yang saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan perkhidmatan ahli-ahli ataupun kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais di Raja samada daripada yang beruniform ataupun yang tidak beruniform, biar pun daripada O.D.O. ataupun Superintendent of Customs janganlah ditempatkan mereka sehingga sampai 10-15 tahun di satu-satu tempat, seelok-eloknya ditukar-tukarkan di mana juga ada Pusat-pusat Kastam supaya tidak boleh mereka ini menetap di satu tempat dan kalau sudah menetap di satu tempat itu susah nanti mereka menjalankan perkhidmatannya kerana semua orang mereka itu kenal, professional smugglers pun mereka kenal dan bila mereka kenal nanti susah hendak menjalankan perkhidmatannya.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, teguran-teguran dari saya diberi dengan hati yang ikhlas.

4.30 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Saya hendak bercakap dalam Kepala P. 29. Pecahan-kepala 2—Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan untuk Mencegah Penyeludupan.

Tuan Pengerusi, saya amat tertarik dan menyokong penuh di atas apa yang diminta oleh Kementerian yang berkenaan kerana

saya berpendapat penyeludupan adalah satu perkara yang merusakkan negara daripada segenap segi, kerana apa yang diseludup itu ada yang berupa makanan, tetapi bila telah diseludup telah mengurangkan hasil negara di segi cukai dan sebagainya. Yang lebih merbahaya dalam perkara penyeludupan ialah alat-alat seperti senjata dan sebagainya. Dengan sebab itu, saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan hendaklah mengambil tindakan yang bersungguh-sungguh terhadap perkara ini. Saya bukanlah sekadar setuju dengan apa yang diminta, kalau difikirkan perlu, lebih dari ini sekalipun asalkan benda itu perlu untuk kebaikan negara patutlah Kementerian yang berkenaan menjalankannya.

Saya bercakap berkenaan Polis. Kebanyakan anggota special branch tidak memakai uniform. Saya berharap juga kepada pihak Kastam untuk menangkap penyeludup-penyeludup ini tidak payah memakai pakaian yang dikhaskan kepada Kastam dan saya berharap bagaimana saya tengok hari ini banyak sangat dibuat kawalan di Johor dan sebagainya. Saya berasa terkilang ataupun musykil di hati kerana setahu saya boleh dikatakan pusat masuk penyeludupan ini walaupun di tempat saya sendiri, tetapi biarlah yang kotor itu kita kata kotor, datang daripada utara dan timur yang bersempadan dengan Thai. Dari sanalah datangnya segala penyeludupan. Jadi patutlah kawalan diadakan untuk mencegah sebarang penyeludupan ini diketatkan dan dibuat lagi sebanyak perlu yang boleh.

Saya berharap juga kepada Kementerian yang berkenaan selain daripada alat jentera yang besar-besar patut juga dibeli alat-alat jentera seperti motosikal dan sebagainya yang agak tahan kerana kebanyakan penyeludupan ini masuk tidak kira jalan asalkan dapat di mana ada lorong di situlah dia mencari jalan. Maka dengan sebab itu, saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan di samping saya menyokong buatlah apa sahaja ataupun perbelanjaan bagaimana banyak sekalipun asalkan menjadi kebaikan kepada negara dan rakyat seluruhnya.

4.34 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan syor-syor dan teguran-teguran tadi.

Pertamanya kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah menimbulkan perkara di bawah Kepala P. 26—Pecahan-kepala 9—Pinjaman kepada Kerajaan Negeri Selangor. Beliau mengatakan apa yang beliau dengar di dalam Majlis Dewan Undangan Negeri Selangor ada berlainan sedikit daripada apa yang telah diberitahu di dalam Dewan ini. Memang benar sebab saya sendiri bukan seorang Ahli dalam Dewan Undangan Negeri Selangor dan tidak dapat tahu apa yang telah jadi dalam Majlis itu pada masa yang berkenaan, akan tetapi saya suka menyatakan sekali lagi apa yang telah dimasukkan dalam Anggaran ini adalah benar.

Di bawah Kepala B. 27 duit rahsia yang dikatakan adalah tainted money. Saya tidak begitu bersetuju kerana wang ini pun datang-nya daripada taxpayer kita yang telah membuat kerja dan has earn the money in a clean way dan memang Kementerian saya dan Jabatan yang berkenaan itu berhati-hati sebelum wang itu dibayar supaya dipastikan yang wang itu hanya dibayar kepada pihak-pihak yang benar-benar layak menerimanya.

Di bawah Kepala B. 29 berkenaan dengan rasuah. Saya tidak menafikan ada berlaku juga perkara rasuah di dalam Pejabat Kastam dan Eksais di Raja dan ini serupa juga dengan di mana-mana pejabat dan saya mengakui ada seekor dua kerbau yang berlumuran lumpur itu yang telah menjadikan semuanya terpalit. Saya suka memberi jaminan di Dewan ini Kementerian saya akan menjalankan tugas dan mengambil tindakan-tindakan yang mana perlu supaya amalan rasuah ini di mana-mana pejabat juga bukan sahaja di dalam Jabatan Kastam dan Eksais di Raja dapat dikurangkan kalau pun tidak dapat dihapuskan semuanya sama sekali.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang telah mencadangkan supaya calon-calon yang mula-mula masuk kerja sebagai O.D.O. itu kalau ada pengalaman lebih kurang sepuluh tahun patutlah diberi peluang untuk dinaikkan pangkat menjadi Assistant Superintendent walaupun mereka itu tidak dapat ijazah daripada universiti. Ini adalah satu cadangan yang saya fikir menasabah dan saya akan rujukkan perkara ini kepada pegawai-pegawai saya yang berkenaan supaya dikaji untuk tindakan pada masa akan datang jika didapati feasible.

Mengenai sistem lelong, saya juga tidak nafikan kadang kala menimbulkan suatu keadaan yang kurang menyenangkan orang ramai khususnya pihak yang ingin membeli barang-barang yang dilelong itu dan saya juga ingin memberi jaminan di sini supaya arahan dibuat semula agar semua lelong-lelong itu akan diiklankan dengan seluas-luasnya yang boleh.

Mengenai pegawai-pegawai yang tidak beruniform iaitu pegawai dalam pakaian mufti, saya juga akan timbangkan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar, saya bersyukur kerana pada masa sekarang lebih-kurang saya sudah biasa dengan pelatnya daripada Kangar, membangkitkan mengenai penyeludupan kalau tidak salah saya. Cadangan beliau ialah supaya Pejabat Kastam dan Eksais di Raja itu menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya yang boleh. Saya menerima cadangan itu dan saya juga hendak menjamin pegawai-pegawai saya memanglah sudah, sedang dan akan juga terus menjalankan tugas-tugasnya dengan sebaik-baik yang boleh.

Yang akhir, Yang Berhormat dari Kangar juga menimbulkan perkara ataupun cadangan supaya pegawai kastam kita yang menjalankan tugas mencegah penyeludupan itu eloklah tidak memakai uniform supaya lebih senang lagi menjalankan tugas pencegahan. Perkara ini telahpun saya nyatakan tadi sewaktu saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan tidak perlulah saya ulas lagi.

Masaalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$115,100 untuk Kepala B. 26, \$2,550,000 untuk Kepala B. 27, \$29,200,000 untuk Kepala B. 28, \$3,449,108 untuk Kepala B. 29 dan \$1,037,200 untuk Kepala B. 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$21,150,000 untuk Kepala P. 26 dan \$5,126,746 untuk Kepala P. 29 disetujukan jadi sebahagian Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Per-sidangan ditempohkan selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.40 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.04 ptg.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah mendapat surat daripada Yang Berhormat Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam meminta kalau boleh Kementerianya dikemukakan yang akhir sekali, melainkan kalau sampai juga pada hari ini, wakilnya akan mengemukakan. Jadi saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus, Kepala B. 33 dan B. 34.

Kepala B. 33 dan B. 34 (Jadual)—

Kepala P. 38 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975)—

5.05 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya mohon Anggaran Belanja Mengurus Tambahan (Bil. 2), 1975 di bawah Kepala B. 33—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan B. 34—Polis Di Raja Malaysia berjumlah \$15,899,466 serta juga Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 2), 1975 di bawah Kepala P. 38—Penjara berjumlah \$30 iaitu mengandungi Pecahan-kepala 7—\$10 Pecahan-kepala 25—\$10 dan Pecahan kepala 33—\$10.

Segala butir-butir lanjut ada terkandung dalam Kertas Perintah 1 Tahun 1976, Kertas Perintah 2 Tahun 1976 iaitu Anggaran Belanja Mengurus Tambahan (Bil. 2), 1975 dan juga Kertas Perintah 3 dan 4 Tahun 1976 Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 2), 1975.

Tuan Pengerusi, saya mengusulkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan (Bil. 2), 1975 dan Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 2), 1975 bagi Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$4,243,179 untuk Kepala B. 33 dan \$11,656,287 untuk Kepala B. 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual dan wang sebanyak \$30 untuk Kepala P. 38 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1975.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk mengemukakan Kepala B. 40 dan B. 42, P. 41 dan P. 42.

Kepala B. 40 dan B. 42 (Jadual)—

Kepala P. 41 dan P. 42 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1975)—

5.08 ptg.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sebanyak \$102,500 di bawah Kepala B. 40—Kementerian Penerangan dan wang sebanyak \$281,114 di bawah B. 42—Jabatan Penerangan menjadi sebagai sebahagian daripada Jadual.

Saya juga ingin mencadangkan supaya wang sebanyak \$73,636 di bawah P. 41—Jabatan Penyiaran dan wang sebanyak \$454,576 di bawah P. 42—Jabatan Penerangan diluluskan.

Oleh sebab penjelasan mengenai perbelanjaan ini telahpun terkandung di dalam Kertas Perintah 2 Tahun 1976 dan Kertas Perintah 4 Tahun 1976, maka saya tidak bercadang hendak menghuraikan dengan panjang lebar.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Wang sebanyak \$102,500 untuk Kepala B. 40 dan \$281,114 untuk Kepala B. 42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; wang sebanyak \$73,636 untuk Kepala P. 41 dan \$454,576 untuk Kepala P. 42 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975.

Kepala B. 47 dan B. 48 (Jadual)

Kepala P. 47 dan P. 48 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2)) 1975—

5.10 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, saya mengemukakan Anggaran-anggaran untuk Belanjawan Mengurus dan Pembangunan Tambahan bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar serta Jabatan yang termasuk di bawah tanggungjawab Kementerian ini iaitu Kepala B. 47, Kepala P. 47, Kepala B. 48 dan Kepala P. 48.

Anggaran tambahan di bawah B. 47 berjumlah \$170,845 untuk perbelanjaan mengurus ialah seperti berikut:

- (a) \$51,410 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berkenaan dengan lawatan Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan ke Eropah. Tujuan lawatan ini adalah untuk membolehkan Yang Berhormat Menteri tersebut membuat lawatan ke beberapa Pusat Penyelidikan Atom dan Badan-badan Tenaga Letrik di Eropah supaya beliau dapat mengenal-suaikan dirinya tentang perkembangan-perkembangan dalam bidang penyelidikan sains dan tenaga letrik dan juga untuk mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan di atas kemungkinan bantuan teknik kepada negara kita.
- (b) Peruntukan sebanyak \$119,435 adalah dikehendaki bagi membiayai belanja mengurus Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) bagi tahun 1975. Oleh kerana PUSPATI hanya ditubuhkan pada penghujung tahun 1974, selepas Anggaran Belanjawan tahun 1975 ditetapkan, maka tidak ada peruntukan disediakan bagi PUSPATI dalam Anggaran Belanja Mengurus 1975.

Anggaran Pembangunan Tambahan di bawah P. 47 ialah \$10 bagi Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail. Sebanyak ini adalah peruntukan tanda yang telah didahulukan daripada simpanan luar jangka bagi mewujudkan satu pecahan-pecahan baru manakala jumlah \$200,000 telah diperolehi secara pindah peruntukan daripada pecahan-kepala

2—Institut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara. Oleh hal yang demikian, Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 sahaja bagi menggantikan wang pendahuluan tersebut.

Anggaran Mengurus Tambahan di bawah B. 48 berjumlah \$22,000 bagi Jabatan Kimia di bawah Kementerian ini adalah dikehendaki bagi menambah peruntukan Pengangkutan Barang-barang oleh sebab kadar bayaran tambang barang telah meningkat naik. Kejadian ini tidak dapat dielakkan dan oleh itu peruntukan tambahan adalah diperlukan.

Anggaran tambahan di bawah P. 48 berjumlah \$379,400 bagi Jabatan Kimia adalah untuk perbelanjaan pembangunan. Sebanyak \$122,000 adalah dikehendaki bagi pembinaan Makmal Cawangan di Ipoh dan sebanyak \$257,400 bagi pembinaan Makmal Cawangan di Sabah. Dua projek tersebut telah terlambat dilaksanakan kerana kelewatan mendirikan bangunan makmal dan menerima bahan-bahan kimia dan kelengkapan dari seberang laut. Kelambatan ini tidak memberi peluang untuk menggunakan dengan penuhnya peruntukan-peruntukan asal.

Oleh yang demikian, saya berharap kelulusan diberi kepada Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan Tambahan, 1975 untuk Kementerian dan Jabatan di bawah tanggungjawab Kementerian ini seperti yang berikut di bawah:

- (a) Peruntukan sebanyak \$170,845 di bawah B. 47;
- (b) Peruntukan sebanyak \$10 di bawah P. 47;
- (c) Peruntukan sebanyak \$22,000 di bawah B. 48;
- (d) Peruntukan sebanyak \$379,400 di bawah P. 48.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$170,845 untuk Kepala B. 47 dan \$22,000 untuk Kepala B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual, dan wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 47 dan \$379,400 untuk kepala P. 48 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975.

Kepala B. 49, B. 50, B. 52, B. 54 dan B. 55 (Jadual)

Kepala P. 55 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975—

5.15 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Pengerusi, bagi pihak Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, saya ingin memohon kelulusan bagi peruntukan tambahan sebanyak \$1,513,573 di bawah Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian ini. Dari jumlah besar sebanyak \$573,968 adalah diperlukan bagi Kementerian ini di bawah Kepala B. 49; \$15,500. Bagi Jabatan Perancang Bandar dan Desa di bawah Kepala B. 50; \$391,000 bagi Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara, di bawah Kepala B. 53; \$500,000 bagi Jabatan Percetakan Kerajaan di bawah Kepala B. 54 dan \$33,105 bagi Jabatan Muzium di bawah Kepala B. 55.

Saya juga ingin memohon kelulusan bagi peruntukan tambahan sebanyak \$60,000 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan bagi Jabatan Muzium di bawah Kepala P. 55.

Kepala B. 49—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar \$573,968

Jumlah peruntukan tambahan ini adalah diperlukan untuk menampung perbelanjaan bagi bayaran gaji-gaji, bonos-bonos dan elaun-elaun bagi beberapa jawatan yang diwujudkan dan diluluskan kepada Bahagian Kerajaan Tempatan dan Bahagian Alam Sekitar dalam tahun 1975.

Peruntukan juga adalah dikehendaki ditambah untuk memenuhi matlamat menyusun semula semua penguasa tempatan yang memerlukan pegawai-pegawai tertentu di Kementerian ini membuat lawatan ke daerah-daerah dan ke kawasan-kawasan pendalaman di serata ceruk rantau Malaysia. Mereka terpaksa membuat penyelidikan dan seterusnya membuat syor-syor mengenai penyusunan semula dari segi socio-ekonomi kewangan dan sebagainya.

Kepala B. 50—Jabatan Perancang Bandar dan Desa—\$15,500

Peruntukan perjalanan dan pengangkutan tahun 1975 bagi Jabatan ini ialah \$36,500. Tambahan sebanyak \$15,500 adalah dikehendaki bagi menambah peruntukan ini oleh kerana peruntukan yang disediakan telah didapati tidak mencukupi bagi membiayai aktiviti-aktiviti Jabatan ini.

Kepala B. 52—Arkib dan Perpustakaan Negara—\$391,000

Pada tahun 1975 Arkib dan Perpustakaan Negara memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$391,000 di bawah perbelanjaan mengurus untuk menunaikan tugas-tugas dan tanggungjawabnya yang kian bertambah. Peruntukan yang disediakan sebanyak \$1,538,100 telah tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan dalam tahun semasa, kerana dalam tahun 1975 Perkhidmatan Arkib telah melancarkan projek mengumpul dan menerbitkan ucapan-ucapan Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak.

Peruntukan yang disediakan sebanyak \$688,120 untuk Perpustakaan Negara telah tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan mengurus oleh kerana perkembangan-perkembangan besar dalam tahun 1975 yang berkaitan dengan pelancaran projek perkhidmatan Perpustakaan Awam bagi Wilayah Persekutuan. Tambahan peruntukan sebanyak \$340,692 adalah dikehendaki untuk membeli buku-buku dan bahan-bahan bacaan bagi koleksi dewasa, belia dan kanak-kanak serta penyediaan ruang yang lebih luas untuk perkhidmatan perpustakaan dan juga pemasangan alat hawa dingin untuk pemeriharaan bahan-bahan perpustakaan yang ada sekarang ini.

B. 54—Jabatan Percetakan—\$500,000

Tambahan Anggaran Belanja Mengurus sebanyak \$338,000 dan \$162,000 adalah dikehendaki masing-masing untuk Jabatan Percetakan Semenanjung Malaysia dan Sarawak bagi menambah peruntukan gaji dan upahan, tenaga letrik, juga untuk membayar harga pengangkutan barang-barang seperti kertas dan lain-lain.

Kepala B. 55—Jabatan Muzium—\$33,105

Peruntukan tambahan sebanyak \$33,105 yang diperlukan ialah untuk membiayai harga sebuah van pamiran bergerak bagi kegunaan Jabatan ini semasa menjalankan perkhidmatannya di kawasan-kawasan luar bandar.

Kepala P. 55—Muzium—\$60,000

Jabatan ini memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$60,000 dalam tahun 1975 dari kerja-kerja memelihara, membina semula dan memelihara tempat-tempat bersejarah dan monument di Kedah, Melaka

dan Negeri Sembilan dan juga untuk membeli sebuah rumah tradisional Melayu dari Chengkau, Rembau, Negri Sembilan. Kerja-kerja ini mesti dilakukan dalam tahun 1975 kerana tempat-tempat bersejarah tersebut sudah lama terbiar dan uzur. Rumah tradisional Melayu tersebut mempunyai nilai senibina dan ukiran yang istimewa. Jika pihak Muzium tidak membelinya kemungkinan besar rumah tersebut akan dibeli oleh pihak swasta dan jika ini terjadi, kita akan kehilangan harta kebudayaan yang tidak ternilai.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa peruntukan Tambahan Belanja Mengurus di bawah Kepala B. 49, 50, 52, 54 berjumlah \$1,513,573 serta Peruntukan Tambahan Pembangunan di bawah Kepala P. 55 berjumlah \$60,000 diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$573,968 untuk Kepala B. 49, \$15,500 untuk Kepala B. 50, \$391,000 untuk Kepala B. 52, \$500,000 untuk Kepala B. 54 dan \$33,105 untuk Kepala B. 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$60,000 untuk Kepala P. 55 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975.

Kepala B. 56, B. 58, B. 60 dan B. 61 (Jadual)

Kepala P. 56 dan P. 59 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975)—

5.23 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Pengerusi, Tambahan Bekalan bagi Kementerian saya dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya yang diperlukan bagi tahun 1975 berjumlah \$9,421,229 yang dibahagikan untuk Tambahan Belanja Mengurus sebanyak \$9,218,749 dan Tambahan Belanja Pembangunan sebanyak \$202,480.

Pecahannya adalah seperti berikut:

(i) *Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1975*

Tambahan yang diperlukan berjumlah \$9,218,749 bagi Kepala B. 56, Pecahan-kepala 1200, 1300, 2100, 2300, 2500, 2600, 2700, 2800 dan 4100.

Kepala B. 58, Pecahan-kepala 1100, 1200, 1300, 2100 2200 3100 dan 3300.

Kepala B. 60, Pecahan-kepala 2300, 2700 dan 2800.

Kepala B. 61 Pecahan-kepala 1100, 1200, 1300, 2200, 2600 dan 2800.

Butir-butir lanjut mengenainya adalah seperti terdapat di dalam Kertas Perintah 2, 1976.

(ii) *Kepala P. 56 dan P. 59 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975)—*

Tambahan yang diperlukan berjumlah \$202,480 bagi Kepala P. 56, Pecahan-kepala 35, (ii), (iii) dan (iv) Pecahan-kepala 49 dan Pecahan-kepala 69.

Kepala P. 59, Pecahan-kepala 9.

Butir-butir lanjut mengenainya adalah seperti di dalam Kertas Perintah 4, 1976.

Saya mohon mencadangkan supaya tambahan Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Pembangunan, 1975 yang berjumlah kesemuanya \$9,421,229 bagi Kementerian saya dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya dijadikan sebahagian daripada Jadual dan diluluskan.

5.25 ptg.

Raja Naron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya menyokong tambahan peruntukan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan kerana ini adalah semuanya perlu untuk melicinkan dan membaiki lagi pentadbiran-pentadbiran di bawah Jabatan-jabatan yang disebutkan oleh beliau. Di samping itu, saya suka membawa satu sahaja ingatan iaitu saya telah pergi dengan sendirinya menyiasat Ibu Pejabat Pendaftaran Kereta ataupun R.I.M.V. Headquarters di Petaling Jaya.

Tuan Pengerusi, Ibu Pejabat R.I.M.V. bukan bertempat di satu bangunan, ada dua, tiga bangunan di mana kalau orang-orang hendak mengambil atau mendapatkan sesuatu terpaksa pergi di beberapa tempat.

Selain daripada itu, saya juga menyaksikan dengan mata saya sendiri fail-fail yang "confidential" bertaburan di atas lantai dan Pegawai Kanan yang berpangkat Registrar dan sebagainya tidak ada mempunyai bilik khas, duduk bersama-sama kerani-kerani di

dalam pejabatnya. Dan orang-orang luar boleh masuk ke pejabat itu dan senang mengambil fail-fail yang bertabur di atas meja itu.

Pendek kata, ini adalah satu perkara kalau dibiarkan berterusan akan membawa kepada beberapa kebocoran kepada rahsia-rahsia pejabat. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Saya minta pihak Yang Berhormat menyatakan di bawah Kepala mana yang diucapkan itu.

Tuan Pengerusi: Ya, saya hendak mendengar dahulu jawapan oleh Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Oleh sebab R.I.M.V. ini bukanlah di bawah portfolio Kementerian ini.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, kerana saya tadi mengingatkan Kementerian Perhubungan, jadi saya fikir teks ataupun R.I.M.V. ini berhubunglah. (Ketawa) Jadi kalau tidak ada begitu

Tuan Pengerusi: Main fikir tidak bolehlah.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$200,750 untuk Kepala B. 56, \$175,424 untuk Kepala B. 58, \$321,000 untuk Kepala B. 60 dan \$8,521,575 untuk Kepala B. 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$200,040 untuk Kepala P. 56 dan \$2,440 untuk Kepala P. 59 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975.

Kepala P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975)—

5.30 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Pengerusi, bagi pihak Menteri Kebajikan Am, saya memohon mencadangkan bahawa peruntukan tambahan sebanyak \$563,600 yang ditunjukkan di bawah Anggaran Pembangunan P. 63, Pecahan-kepala P. 33, Kementerian Kebajikan Am diluluskan.

Pada mulanya harga pembinaan bagi projek rumah perlindungan wanita dan gadis di Rembau, Negeri Sembilan berjumlah

\$800,000. Tetapi oleh sebab kenaikan harga barang-barang binaan harga projek ini terpaksa diubah menjadi \$1,395,000. Dalam tahun 1975 peruntukan tambahan sebanyak \$563,600 telah didahulukan kepada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun itu daripada simpanan luar jangka. Oleh itu, Dewan ini adalah diminta untuk meluluskan pindaan Anggaran harga projek di Pecahan-kepala P. 33 ini daripada \$800,000 kepada \$1,395,000 dan juga peruntukan tambahan sebanyak \$563,600 yang telah didahulukan daripada simpanan luar jangka.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masaalah di kemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$563,600 untuk Kepala P. 63 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975.

Kepala P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975)—

5.32 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Pengerusi, saya bangun memohon supaya Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1975 bagi Kepala P. 64 bagi Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan sebanyak \$5,160,070 diluluskan. Di bawah ini diturunkan Pecahan-kepala yang memerlukan tambahan daripada jumlah tersebut itu.

(i) *Pecahan-kepala 5—Jalan Lintas dan Jalan Besar Kuala Lumpur*

Peruntukan sebanyak \$9 juta adalah dikehendaki dalam tahun 1975 sebagai bayaran kemajuan untuk pembinaan Jalan Lintas dan Jalan Besar Kuala Lumpur. Daripada jumlah \$9 juta ini, sebanyak \$4.5 juta sahaja telah disediakan dalam Anggaran Pembangunan tahun 1975.

Peruntukan tanda \$10 telah didahulukan dari Simpanan Luar Jangka bagi meminda anggaran harga pecahan-kepala ini daripada \$20 juta kepada \$24.5 juta manakala bakinya sebanyak \$4.5 juta boleh diperolehi secara pindah peruntukan daripada lain-lain pecahan-kepala.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 sahaja dan meminda anggaran harga pecahan-kepala ini daripada \$20 juta kepada \$24.5 juta.

(ii) *Pecahan-kepala 6—Jalan-jalanraya Baru.*

Peruntukan sebanyak \$21,170,000 adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran kemajuan dalam tahun 1975 untuk pembinaan Jalan Kuantan-Segamat. Peruntukan sebanyak \$9.8 juta telah disediakan dalam Anggaran Pembangunan tahun 1975 manakala baki-nya sebanyak \$11,370,000 boleh diperolehi secara pindah peruntukan daripada lain-lain pecahan-kepala.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 sahaja yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan meminda anggaran harga pecahan-kepala ini daripada \$23.6 juta kepada \$43.6 juta.

(iii) *Pecahan-kepala 22—Rancangan Kawasan Pusat Memperbaiki Lalu-lintas*

Peruntukan sebanyak \$900,000 adalah dikehendaki dalam tahun 1975 untuk melaksanakan Rancangan Lalu-lintas Kawasan Kuala Lumpur Pusat. Peruntukan tanda \$10 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka bagi menghidupkan semula pecahan-kepala ini manakala jumlah yang dikehendaki sebanyak \$899,990 telah diperolehi secara pindah peruntukan daripada lain-lain pecahan-kepala.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 sahaja bagi menggantikan pendahuluan tersebut.

(iv) *Pecahan-kepala 23—Kuala Lumpur-Petaling Jaya, Hubungan Lalu-lintas dan Lorong-lorong Bas.*

Peruntukan sebanyak \$2,825,000 adalah dikehendaki dalam tahun 1975 bagi melaksanakan projek hubungan lalu-lintas dan lorong-lorong bas, Kuala Lumpur-Petaling Jaya. Peruntukan tanda \$10 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka bagi menghidupkan semula pecahan-kepala ini manakala jumlah yang dikehendaki sebanyak \$2,824,990 boleh diperolehi secara pindah peruntukan daripada lain-lain pecahan-kepala.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 sahaja bagi mengganti pendahuluan tersebut.

(v) *Pecahan-kepala 92—Bekalan Air Kuala Trengganu.*

Mengikut jadual pengeluaran perjanjian pinjaman, peruntukan sebanyak \$1,550,000 adalah dikehendaki dalam tahun 1975 sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Trengganu bagi memajukan projek bekalan air Kuala Trengganu.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$1,550,000 yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan meminda anggaran harga pecahan-kepala ini daripada \$10 kepada \$1,550,010.

(vi) *Pecahan-kepala 109—Pagar Keselamatan untuk Bangunan-bangunan Kerajaan dan Pemasangan*

Peruntukan sebanyak \$500,000 telah diuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi mengadakan pagar keselamatan untuk bangunan-bangunan Kerajaan. Daripada jumlah \$500,000 ini, sebanyak \$34,500 adalah dikehendaki dalam tahun 1975 oleh Jabatan Percetakan Kerajaan bagi menyediakan pagar keselamatannya.

Peruntukan tanda \$10 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka bagi mengujudkan satu pecahan-kepala baru manakala jumlah yang dikehendaki sebanyak \$34,490 boleh diperolehi secara pindah peruntukan daripada lain-lain pecahan-kepala.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 sahaja bagi mengganti pendahuluan tersebut.

(vii) *Pecahan-kepala 110—Bangunan Kerajaan Negeri, Kuala Trengganu, Trengganu*

Kerajaan telah bersetuju memberikan pinjaman sebanyak \$5.25 juta kepada Kerajaan Negeri Trengganu bagi pembinaan sebuah bangunan Kerajaan Negeri di Kuala Trengganu. Daripada jumlah \$2.25 juta ini, sebanyak \$2 juta telah dikeluarkan sehingga sekarang.

Mengikut jadual pengeluaran perjanjian pinjaman tambahan sebanyak

\$1,660,000 adalah dikehendaki dalam tahun 1975 bagi membiayai pembayaran kemajuan manakala bakinya sebanyak \$1,590,000 adalah disediakan dalam tahun 1976.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$1,660,000 yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan pindaan anggaran harga pecahan-kepala ini daripada \$1.5 juta kepada \$3,660,000.

(viii) *Pecahan-kepala 118—Bangunan Baru Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan dan Pejabat-pejabat Negeri.*

Kerajaan telah bersetuju memberikan pinjaman sebanyak \$1 juta kepada Kerajaan Negeri Kelantan bagi membina bangunan baru Pejabat Setiausaha Kerajaan di Kota Bharu, Kelantan.

Daripada jumlah \$1 juta ini, sebanyak \$800,000 telah disediakan dalam tahun 1971 hingga 1974. Mengikut jadual pengeluaran perjanjian pinjaman yang telah dipinda anggaran sebanyak \$200,000 adalah dikehendaki dalam tahun 1975 bagi membiayai perbelanjaan tersebut.

(ix) *Pecahan-kepala 123—Istana D.Y.M.M. Sultan Kelantan.*

Tambahan sebanyak \$1,750,000 adalah dikehendaki dalam tahun 1975 bagi membina Istana D.Y.M.M. Sultan Kelantan. Daripada jumlah \$1,750,000 itu sebanyak \$875,000 adalah sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kelantan bagi membiayai projek tersebut.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$1,750,000 yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan meminda anggaran harga pecahan-kepala ini daripada \$3,000,000 kepada \$4,750,000.

(x) *Pecahan-kepala 129—Pejabat-pejabat Baru Kerajaan Persekutuan, Kuching*

Sebanyak \$750,000 adalah dikehendaki bagi membiayai harga pembelian tanah, pakar perunding dan untuk membeli sebuah "standby generator" untuk Pejabat-pejabat Baru Kerajaan Persekutuan di Kuching, Sarawak.

Peruntukan tanda \$10 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka bagi meminda anggaran harga pecahan-kepala ini daripada \$7,072,000 kepada \$7,822,000 manakala bakinya sebanyak \$749,990 telah didapati secara pindah peruntukan daripada lain-lain pecahan-kepala.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 sahaja bagi mengganti pendahuluan tersebut dan meminda anggaran harga pecahan-kepala ini daripada \$7,072,000 kepada \$7,822,000.

(xi) *Pecahan-kepala 151—Jentera dan Kelengkapan:*

Peruntukan sebanyak \$2,298,868 adalah dikehendaki bagi membiayai harga jentera dan kelengkapan untuk kerja-kerja pembinaan pembangunan jalan dan jalan besar Sibul/Bintulu.

Daripada jumlah \$2,298,868 ini peruntukan tanda \$10 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka manakala bakinya sebanyak \$2,298,858 boleh diperolehi daripada pecahan-kepala 150—Pembangunan Kuari.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 sahaja dan meminda anggaran harga pecahan-kepala ini daripada \$25 juta kepada \$27,298,868.

5.46 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya menyokong rayuan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaya berkenaan Perbelanjaan Tambahan di bawah Kepala P. 64 terutamanya Pecahan-kepala 5, 6, 22 dan 23.

Tuan Pengerusi, apa juga yang diuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memanglah pembangunan-pembangunan yang perlu untuk membaiki keadaan sekarang. Berikutan dengan pembangunan itu tentulah banyak kerja-kerja dan banyak juga bertambah motokar-motokar digunakan di jalanraya yang keadaannya tentu lebih bertambah baik, jambatan yang baik besar dan sebagainya. Dengan sebab itu, pada awal-awal tadi saya telah salah kerof (care of) tetapi sekarang ini betullah kerof agaknya.

Tuan Pengerusi: Jangan selalu buat begitu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Apa yang perlu saya bawa pandangan Kementerian yang berkenaan ialah bangunan Ibu Pejabat Pendaftar Kereta ataupun RIMV Headquarters, Petaling Jaya di mana di dalam suatu lawatan yang saya buat, saya dapati bukanlah berada di satu tempat beberapa tempat-tempat yang lain. Ini mendatangkan kesusahan kepada rakyat yang hendak mendapat sesuatu. Selain daripada ini, kerana bangunan di situ pada satu masa dahulu telah terbakar dan rekod-rekodnya banyak yang rosak, sehingga hari ini, Tuan Pengerusi, kalaulah kita hendak mengambil sesuatu butir-butir berkenaan dengan kereta-kereta masih tidak dapat diperolehi. Misalnya, ada seorang hendak mengambil tahu nama dan alamat syarikat ansuran yang diambil oleh sebuah kereta yang telah mengalami satu kemalangan. Rekod ini tidak ada di situ walhalnya kereta ini masih juga digunakan, jika rekod-rekod yang saya katakan itu terbakar di dalam kebakaran, tetapi kalaulah pegawai-pegawai itu dapat mengambil inisiatifnya sendiri mencari kereta-kereta yang ada tentu sahaja dengan adanya daftar-daftar kereta dapat trace syarikat-syarikat ansuran yang memegang ansuran kereta itu. Ini adalah satu contoh. Banyak lagi perkara-perkara yang lain yang orang kita hendak mengetahui dan mengesan daripada pejabat yang ada sekarang ini susah hendak didapati.

Yang keduanya, saya bawa perhatian ialah keadaan pejabat itu. Pegawai-pegawai kanan

Tuan Pengerusi: Keadaan pejabat ini di bawah mana?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Macam saya katakan tadi, Tuan Pengerusi, di bawah P. 64 kerana kalaulah bertambah baik, jambatan-jambatan jalan-jalanraya sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri

Tuan Pengerusi: Bangunan tidak ada, bangunan Pejabat Lalu Lintas tidak ada.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Sebenarnya bangunan tidak ada.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak ada, tak boleh cakap.

5.50 ptg.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Kementerian saya memandang berat tentang apa-apa yang beliau sebutkan tadi berkenaan dengan rekod-rekod dalam RIMV, Petaling Jaya dan kelakuan kakitangan di Ibu Pejabat RIMV, Petaling Jaya. Saya mesti mengakui bahawa keadaan dalam pejabat ini bukanlah perfect dan kalau Ahli Yang Berhormat ada aduan-aduan yang specific, saya haraplah Ahli Yang Berhormat akan menghantar butir-butir yang cukup lengkap kepada Yang Berhormat Menteri atau saya untuk siasatan selanjutnya. Kementerian saya akan mengambil perhatian atas cadangan-cadangan dan pendapat-pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$5,160,070 untuk Kepala P. 64 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975.

Kepala B. 66 (Jadual)—

Kepala P. 66 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 2),—1975.

5.25 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Pengerusi, saya pohon izin membentangkan supaya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan sebanyak \$515,000 bagi tambahan kepada peruntukan di bawah berbagai pecahan-kepala di bawah B. 66 dan tambahan sebanyak \$10 bagi tambahan kepada peruntukan secara langsung di bawah Anggaran Pembangunan P. 66, Pecahan-kepala 21 bagi Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah diluluskan.

Butir-butir lanjut atas penjelasan mengenai peruntukan tambahan ini adalah seperti tercatit di dalam Kertas Perintah 2, muka surat 30, 31, 32 dan Kertas Perintah 4, muka surat 24 dan 25. Dengan ini, saya pohon supaya peruntukan yang saya sebutkan tadi menjadi sebahagian daripada Jadual dan diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$515,000 untuk Kepala B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 66 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975.

Kepala P. 31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975)—

5.54 pttg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Pengerusi, bagi pihak Menteri Perusahaan Awam, saya mohon peruntukan tambahan sebanyak \$27,908,550 bagi Kementerian Perusahaan Awam diluluskan oleh Dewan ini. Peruntukan tambahan ini bagi membiayai tambahan perbelanjaan bagi empat perbadanan awam iaitu UDA peruntukan sebanyak \$10 peruntukan tanda; Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pulau Pinang sebanyak \$25 juta; Bank Bumiputra sebanyak \$1,408,540 dan juga Perbadanan Bukit Frazer sebanyak \$1.5 juta.

Tuan Pengerusi, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) yang telah mendapat peruntukan tanda sebanyak \$10 bagi membolehkan penambahan peruntukan yang dibuat kepada UDA. Sebagaimana kita sedia maklum di samping menjalankan aktiviti pembangunan bandar, UDA adalah giat memainkan peranan untuk menambahkan hakmilik dan memajukan usahawan bumiputra di kawasan-kawasan perbandaran samada dengan pelaburan secara langsung atau melalui perkembangan ekonomi daripada harta yang sedia ada. Untuk menjalankan tugas-tugas inilah pada tahun 1975 UDA telah diperuntukkan sebanyak \$47 juta bagi menjalankan 5 aktiviti iaitu:

- (i) pembelian bangunan-bangunan dan ruangan-ruangan perniagaan yang sedia ada;
- (ii) pembelian ruang perniagaan yang dalam pembinaan;
- (iii) penyertaan dalam perniagaan;
- (iv) pembangunan bandar secara menyeluruh; dan
- (v) pelaburan tanah.

Di samping itu UDA boleh meminjam daripada bank Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Tabung Perwira sebanyak \$25.8 juta dan juga mendapat hasil daripada

projeknya kira-kira \$3.4 juta. Dengan ini sumber kewangan UDA adalah kira-kira \$76.2 juta pada tahun 1975. Sumber kewangan ini nampak besar tetapi ini adalah tidak mencukupi disebabkan aktiviti-aktiviti UDA adalah aktiviti-aktiviti yang memakan perbelanjaan yang besar. Pada tahun 1975 kira-kira \$109 juta adalah diperlukan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut. Oleh itu adalah diharapkan dengan adanya peruntukan tanda \$10 itu membolehkan Kerajaan menambah peruntukan bagi menampung kekurangan perbelanjaan UDA.

Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan sebanyak \$25 juta pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pulau Pinang bagi memajukan projek Angkasa Perdana. Peruntukan \$25 juta itu adalah digunakan bagi pengambilan balik tanah di Peringkat 1 hingga Peringkat 5 bagi projek Angkasa Perdana. Kompleks Angkasa Perdana ini adalah dikelilingi oleh Jalan Penang, Jalan Prangin, Jalan Bridge dan Jalan Magazine. Pengambilan keseluruhan tanah ini dibuat adalah bertujuan untuk mengatasi masalah kenaikan harga tanah di peringkat-peringkat yang lain jika pengambilan tanah ini tidak dibuat. Dijangka di dalam lima tahun yang akan datang ini Peringkat 1 akan dimajukan. Peringkat ini akan mengandungi 4 tingkat podium dengan 60 tingkat blok menara di atasnya dan satu blok 17 tingkat flat yang mempunyai structure yang sama. Apabila Peringkat 1 kompleks ini siap pembekalan ruang-ruang perniagaan dan pejabat di George Town akan bertambah. Dari segi faedah, projek ini akan mengawal spekulasi yang akan dibuat oleh swasta bagi mendirikan bangunan-bangunan yang tinggi di bandar ini. Dengan ini jika ada pemaju-pemaju yang hendak mendirikan bangunan-bangunan yang tinggi bolehlah diarahkan kepada pusat-pusat separuh bandar seperti di Bayan Lepas dan Bagan Serai. Oleh itu tujuan pembinaan ini ialah salah satunya untuk mengawal pembangunan di Pulau Pinang. Dengan adanya projek ini jumlah ruang-ruang perniagaan tidak akan menjadi masalah di Bandar George Town. Begitu juga penambahan ruang-ruang pejabat akan mengatasi masalah yang dihadapi pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan sebanyak \$1,408,540 diperlukan untuk Bank Bumiputra. Bank Bumiputra selain daripada aktiviti di dalam bidang perdagangan dengan

mengadakan kemudahan-kemudahan bank kepada rakyat Malaysia adalah juga bertujuan untuk menggalakkan bumiputra dalam bidang perdagangan dengan memberi modal kepada peniaga-peniaga bumiputra tersebut. Bank Bumiputra telah ditubuhkan dalam tahun 1965 dengan modal yang dibayar sebanyak \$5 juta yang dibiayai oleh Kerajaan. Dalam tahun 1972 pelaburan Kerajaan telah ditambah kepada \$16.5 juta dan dalam tahun 1975 ditambah sebanyak \$23.5 juta lagi menjadikan \$40 juta. Daripada \$23.5 juta itu sejumlah \$22,091,490 adalah melalui penukaran-penukaran, \$8,836,584 saham-saham Malayan Banking kepunyaan Kerajaan dengan nilai \$2.50 tiap-tiap satu. Sebagai gantinya Bank Bumiputra telah mengeluarkan sebanyak \$22,091,460 sahamnya berharga \$1 tiap-tiap satu saham. Bakinya berjumlah \$1,408,540 adalah peruntukan tambahan yang diperlukan dan yang dibuat melalui Kementerian ini. Jumlah itu adalah bagi menggenapkan modal yang dibayar oleh Bank Bumiputra kepada \$40 juta bagi memudahkan pengiraan dividen, bonus right issue pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, bagi Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser jumlah sebanyak \$1.5 juta telah diperuntukkan sebagai equity Perbadanan ini di dalam hotel Bukit Fraser. Hotel ini telahpun siap dan pada masa sekarang hotel ini mempunyai 109 bilik. Dengan adanya hotel ini adalah dapat menarik lebih ramai lagi pelancung ke tempat peranginan ini.

Tuan Pengerusi, bagi pihak Menteri Perusahaan Awam saya memohon sejumlah \$27,908,550 itu diluluskan oleh Dewan ini.

6.01 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan Anggaran Pembangunan, Kepala P. 31—Kementerian Penyelarasan Perbadanan—saya suka menyentuh Pecahan-kepala 2—pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri (i) \$25 juta sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan membiayai kos memajukan projek Angkasa Perdana di Negeri itu.

Bercakap tentang projek Angkasa Perdana ini kebanyakan peniaga-peniaga bumiputra sangat tidak puas hati terhadap projek ini sebab projek ini kurang memberi pertolongan atau boleh dikatakan tidak dapat memberi

pertolongan kepada peniaga-peniaga bumiputra. Sebab dalam pengumuman oleh pihak P.D.C. baru-baru ini sewa gerai-gerai ataupun tapak-tapak perniagaan di projek Angkasa Perdana ini ialah lebih kurang \$2 satu kaki persegi. Jadi katalah sebuah gerai itu ukurannya 20×12, ini akan memakan belanja lebih kurang \$500 untuk sewa sahaja pada sebulan. Jadi sudah tentu tidak ada kemampuan bagi peniaga-peniaga bumiputra untuk menyertai projek Angkasa Perdana ini sebab sewanya terlalu mahal. Apa yang dikehendaki oleh peniaga-peniaga bumiputra ialah gerai-gerai yang sesuai untuk mereka ini berniaga di bandar bukanlah gerai-gerai yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri di Angkasa Perdana ini. Sungguhpun begitu oleh sebab projek ini sudah dijalankan, saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengkaji dan berunding dengan Kerajaan Negeri supaya kawasan-kawasan perniagaan yang diuntukkan kepada bumiputra ini diberi subsidi kepada peniaga-peniaga bumiputra supaya mereka ini mampu berniaga di kawasan itu. Kalau tidak, maka peluang untuk orang-orang bumiputra berniaga di tengah-tengah bandar ini langsung tidak ada. Sebabnya saya kata demikian bukan sahaja peniaga-peniaga bumiputra yang merungut masalah sewa yang tinggi bahkan peniaga-peniaga yang bukan bumiputra juga biasa merungut perkara ini, sebab sewanya terlalu mahal dan mungkin peniaga-peniaga ini tidak dapat menyertai projek itu. Jadi bolehlah dikatakan projek ini hanya untuk menolong mereka yang sudah kaya, bukan untuk menolong mereka yang kurang mampu.

Ada setengah pihak-pihak yang berpendapat bahawa projek Angkasa Perdana ini ialah projek kemegahan untuk bermegah-megah sahaja sebab menaranya hingga 60 tingkat. Jadi bukanlah tujuan untuk membantu peniaga-peniaga yang kurang mampu dan kurang maju. Jadi kita berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan apabila pinjaman ini hendak diminta pada masa akan datang supaya dapat berunding dengan pihak P.D.C. mengkaji semula projek yang akan dibina peringkat yang keempat dan kelima samada projek ini sesuai dan memberi munafaat atau berfaedah kepada peniaga terutama sekali peniaga-peniaga bumiputra. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

6.05 ptg.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Pengerusi, bagi pihak Menteri Perusahaan Awam, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Saya yakin dalam usaha-usaha bagi menjamin penyertaan terutama sekali penyertaan golongan-golongan yang berpendapatan rendah seperti peniaga-peniaga kecil dan sebagainya akan terus dititik-beratkan oleh pihak Kerajaan dan seterusnya oleh Kementerian ini, sungguhpun seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa projek Angkasa Perdana ini sendiri tidak membolehkan penyertaan mereka ini dengan begitu senangnya oleh sebab sewa yang begitu tinggi bagi tempat-tempat ataupun ruang-ruang di Angkasa Perdana ini. Saya yakin usaha-usaha yang lain terutama sekali seperti pengkajian yang dibuat oleh Task Force atas penyertaan bumiputra dalam lapangan ekonomi di Pulau Pinang, perkara-perkara atau peluang-peluang peniaga-peniaga dan sebagainya di negeri Pulau Pinang akan dipertimbangkan daripada masa ke semasa.

Sekianlah sahaja ulasan saya dan saya berharap perkara ini akan sama-sama kita usahakan bagi menjamin bahawa pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga kecil tidak juga ketinggalan di dalam usaha-usaha pembangunan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$27,908,550 untuk Kepala P. 31 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1975.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$82,442,203 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1975, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas

Perintah Bil. 3 tahun 1976, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$82,442,203 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1975, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 3 tahun 1976, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$82,442,203 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan

bagi tahun Kewangan 1975, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 3 tahun 1976 diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

USUL

AKTA CUKAI PENDAPATAN, 1967

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

6.10 *ptg.*

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan menurut Seksyen 127 (2) Akta Cukai Pendapatan, 1967 seperti berikut:

“Bahawa Bahagian II Jadual 6 kepada Akta Cukai Pendapatan, 1967 dipinda dengan memotong daripadanya butiran 57 yang berbunyi “Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor” dan bahawa pindaan itu hendak dikuatkuasakan bagi tahun taksiran 1976 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.”

Tujuan ketetapan ini ialah bagi menyamakan cara mengecualikan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dengan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri yang lain. Perbadanan-perbadanan yang lain itu telah dikecualikan di bawah suatu perintah yang disiarkan sebagai P.U. (A) pada 25hb September, 1975.

Memandang kepada hal ini, adalah dianggapkan lebih sesuai memberi pengecualian kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dibuat melalui perintah oleh Menteri Kewangan menurut Seksyen 127 (3) (b) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan tidak mengekalkan Perbadanan tersebut dalam Bahagian II Jadual 6 Akta itu. Adalah juga dicadangkan bahawa pindaan ini hendaklah dipakai bagi tahun taksiran 1976 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

“Bahawa Bahagian II Jadual 6 kepada Akta Cukai Pendapatan, 1967 dipinda dengan memotong daripadanya butiran 57 yang berbunyi “Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor” dan bahawa pindaan itu hendaklah dikuatkuasakan bagi tahun taksiran 1976 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.”

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN (KELAYAKAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.13 *ptg.*

Menteri Tak Bepotfolio (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi meminda Akta Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri), 1962 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Seksyen 3 Akta Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri), 1962 memberi peruntukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memperbadankan suatu Perbadanan Negeri bagi tujuan seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Akta tersebut. Akta ini telah dipinda dalam tahun 1974 yang mana, antara lain, Seksyen 3 dipinda supaya semua Perbadanan-perbadanan Negeri yang ditubuhkan untuk menjalankan kegiatan membangunkan kawasan bandar dan desa dikehendaki mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam Jadual yang baru, iaitu Jadual Kedua. Tetapi adalah didapati peruntukan-peruntukan Jadual Kedua Akta ini tidak dapat dikuatkuasakan ke atas Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri kerana Perbadanan-perbadanan itu telah ditubuhkan sebelum tahun 1974. Oleh kerana difikirkan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri perlulah juga mematuhi peruntukan-peruntukan Jadual Kedua Akta Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri), 1962, maka pindaan-pindaan yang dicadangkan itu haruslah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.15 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Bil yang baru sekejap tadi dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Di samping itu, saya suka menegor sedikit ataupun mengeluarkan sepatah dua kata mengenai dengan Perbadanan Kemajuan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Perbadanan di dalam negeri ataupun yang selalunya kita panggil S.E.D.C. tujuan asalnya memang baik.

Kerajaan Pusat menggalakkan penubuhan Perbadanan ini dengan harapan supaya mereka boleh membantu Kerajaan Pusat di dalam menyelesaikan masalah-masalah sosial seperti masalah perumahan dan juga masalah membuat gerai-gerai, bangunan-bangunan, di mana kaum bumiputra di dalam negeri masing-masing dapat peluang menceburkan diri mereka dalam lapangan perniagaan. Tetapi nampaknya baru-baru ini Perbadanan Kemajuan Negeri ini membawa haluan masing-masing. Saya sangat tertarik hati kepada tegoran yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara beberapa hari yang lampau mengatakan bahawa Perbadanan ini banyak menumpukan kepada projek-projek yang mendatangkan keuntungan. Ini memang benar. Kerana saya tahu Perbadanan-perbadanan dalam negeri ini selain daripada membuat perumahan mereka ini juga nampaknya terlalu minat mendirikan hotel yang besar-besar dan juga membuat panggung wayang. Jadi hotel yang besar-besar dan panggung wayang ini memang untung, tetapi dari segi apakah yang projek seperti ini boleh betul-betul menyelesaikan masalah sosial, selain daripada memberi pekerjaan dan berapa banyak pekerjaan. misalnya, kalau sebuah panggung wayang yang didirikan dengan harga berpuluh ribu ringgit, barangkali pekerjaannya tidak sampai pun 10 orang sedangkan keuntungannya besar dan keuntungan itu pergi balik kepada Perbadanan ini.

Jadi perkara seperti ini memanglah sangat mendukacitakan dan saya berharap supaya Kementerian yang berkenaan ini dapat ber-dailog, dapat memberi nasihat kepada Perbadanan ini supaya mereka ini tidak tergelincir daripada tujuan asal mereka.

Apa yang ditegor oleh "Pak Sako" di dalam riwayat hidupnya itu memang betul. Orang miskin berkehendakkan rumah murah. Rumah murah yang dibena oleh Perbadanan ini nama sahaja murah tetapi harganya sampai \$6,500. Kalau kita nilaikan bangunan itu barangkali \$2,000 atau \$3,000 sahaja harganya tetapi harganya naik begitu tinggi oleh sebab harga tanah.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bukan sebagai point of order, tetapi untuk penjelasan sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Untuk penjelasan kalau Ahli Yang Berhormat itu beri jalan bolehlah.

Datuk Athi Nahappan: Perbadanan khas apakah Yang Berhormat itu sebutkan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa pertanyaannya tadi Yang Berhormat?

Datuk Athi Nahappan: Yang Berhormat itu ada menyebutkan Perbadanan-perbadanan, tetapi saya hendak tahu apakah Perbadanan khas itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Perbadanan Negeri.

Datuk Athi Nahappan: Di negeri mana?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat itu tidak menyebut negeri mana tetapi Perbadanan Negeri yang mana membuat bangunan panggung wayang dan hotel itulah. (*Ketawa*).

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak sebut lebih tepat lagi ialah Lembaga Kemajuan

Negeri, seperti yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Jadi seperti yang ditegur oleh Pak Sako bagaimana orang miskin hendak mendapat rumah kalau rumah yang diistilahkan rumah murah sampai berharga \$6,500. Ini tak lain tak bukan rumah itu naik harga disebabkan oleh harga tanah itu sendiri. Jadi kalau Kerajaan Negeri sendiri memberi harga tanah \$3 sekaki persegi kepada Perbadanan yang saya maksudkan itu, maka adalah adil, saya rasa, jikalau Perbadanan ini boleh memansuhkan (write off) sahaja harga tanah itu dan memberikan rumah murah ini betul-betul dengan harga murah. Mungkin di sini tidak sesuai kalau saya sebutkan Kerajaan Negeri patut memberi tanah dengan harga nominal premium, akan tetapi Perbadanan dalam negeri ini sangat dekat hubungannya dengan Kerajaan Negeri. Jadi kalau boleh Kerajaan Pusat sendiri menasihatkan Kerajaan Negeri memberikan harga tanah ini dengan harga nominal premium maka baharulah rumah murah itu dapat dibeli dengan betul harga yang murah sesuai dengan istilah rumah murah dan begitu juga bangunan-bangunan yang lain, bangunan perniagaan jika tanah ini dapat dibeli dengan harga nominal premium \$10 maka tentulah peluang bumiputra untuk memasuki gedong-gedong ini lebih banyak oleh kerana bangunan itu sendiri akan dapat dimurahkan harganya kerana tanah itu tidak dihargakan.

Sekarang ini seperti yang saya lihat di merata-merata negeri Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ini tak ubah sikapnya seperti private developer, membuat rumah charge harga tanah, charge harga rumah, sehinggakan rumah bangalow di tempat-tempat yang jauh daripada Kuala Lumpur ini pun harganya sampai \$60,000 dan \$70,000, serupa juga dengan harga private developer. Jadi bagaimana sebuah Perbadanan boleh diharapkan oleh Kerajaan

Pusat untuk memainkan peranan untuk menyelesaikan masalah sosial yang penting iaitu perumahan. Sepatutnya Lembaga Kemajuan Negeri ini hendaklah memberikan galakan dan memberi peluang kepada seramai-ramai yang boleh rakyat negeri itu terutamanya rakyat dalam bandar memiliki rumah dengan harga yang paling murah yang boleh. Kesempurnaan ini ialah mendapatkan tanah dengan harga nominal premium bagaimana yang saya sebutkan tadi. Di sinilah saya mengharapkan supaya Kerajaan Pusat khasnya Menteri yang berkenaan dapat berbincang, berdialog, persuade Kerajaan Negeri supaya menyedari akan tujuan yang sebenarnya dan janganlah bermegah-megah Lembaga Kemajuan Negeri tahun ini dapat untung sekian-sekian million, tahun lepas sekian-sekian million, fixed deposit ada sekian-sekian million. Ini tidak ada makna. Kalau Perbadanan ini hendak mencari keuntungan maka tak usaha dinamakan Lembaga Kemajuan Negeri. Mengambil kesempatan sebagai Lembaga tetapi tidak memberi faedah kepada orang ramai.

6.52 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini adalah terhad. Rang Undang-undang ini cuma meluaskan peruntukan-peruntukan yang disebutkan dalam Jadual Kedua yang diluluskan oleh Parlimen ini pada tahun 1974, Perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan sebelum tahun 1974. Inilah tujuan utama Rang Undang-undang ini. Sungguhpun begitu Ahli Yang Berhormat itu telah memberi pandangan atas tugas-tugas Perbadanan-perbadanan di negeri-negeri khasnya berkenaan dengan rumah-rumah yang murah. Inilah satu hal yang Kerajaan Pusat selalu mengawasi ke atas Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri supaya mereka mengikuti dasar-dasar Kerajaan Pusat.

Saya sukalah memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan akan mengambil perhatian atas pandangannya dan kalau di mana-mana polisi ini dilaksanakan

dengan tepat dengan lebih memberi kebaikan kepada masyarakat, itu akan ditimbangkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 12hb April, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.